



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KELANTAN

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KELANTAN

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT Pengurusan Skim Bantuan Am	3
MAJLIS DAERAH PASIR MAS	
MAJLIS DAERAH TUMPAT Pengurusan Sisa Pepejal	15
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN Kelstone Sdn. Bhd.	37
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN Ladang Tapis Sdn. Bhd.	51
PENUTUP	69



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kelantan.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP 2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di satu Jabatan, 2 Agenzi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau

bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

11 Februari 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

- Pengurusan Skim Bantuan Am

1.1. Skim Bantuan Am bertujuan untuk membantu menampung perbelanjaan harian golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah jenis bantuan lain. Skim Bantuan Am di Negeri Kelantan melibatkan pemberian bantuan kewangan sebanyak RM50 hingga RM90 melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan tambahan sebanyak RM15 hingga RM30 melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan menjadikan jumlah Bantuan Am bulanan antara RM65 hingga RM120. Sejumlah RM22.36 juta diperuntukkan dan dibelanjakan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri sementara peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM7.82 juta dan RM7.36 juta daripadanya telah dibelanjakan bagi Skim Bantuan Am tahun 2010 hingga 2012.

1.2. Secara keseluruhannya Skim Bantuan Am telah berjaya membantu mengurangkan dan meringankan beban kewangan individu atau keluarga yang kurang berkemampuan. Bagaimanapun, pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati pengurusan Skim Bantuan Am adalah kurang memuaskan disebabkan beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Bayaran masih diteruskan kepada penerima bantuan yang meninggal dunia.
- Permohonan bantuan lewat diluluskan.
- Kajian semula tidak dibuat terhadap penerima bantuan.
- Wang bantuan yang tidak dapat diagihkan lewat dikembalikan.
- Peruntukan bantuan tidak mencukupi.
- Pembayaran bulanan bantuan tertunggak selama 4 bulan.

1.3. Berdasarkan kelemahan yang ditemui, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Bharu (PKMD Kota Bharu), Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Mas (PKMJ Pasir Mas) dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Puteh (PKMJ Pasir Puteh) mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mewujudkan koordinasi antara JKMN dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memudahkan dan mempercepatkan pengesahan penerima bantuan dilakukan serta menghentikan pembayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia.

1.3.2. Memastikan wang bantuan yang telah dimasukkan ke dalam akaun bank penerima bantuan yang telah meninggal dunia dikembalikan semula kepada JKMN.

1.3.3. Mengkaji semula proses siasatan dan kelulusan permohonan baru serta kajian semula kes yang lebih praktikal supaya keputusan dapat dibuat dengan lebih cepat.

1.3.4. Memastikan kesemua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan mengembalikan wang bantuan tidak dituntut kepada JKMN dalam tempoh 21 hari.

2. MAJLIS DAERAH PASIR MAS

MAJLIS DAERAH TUMPAT

- Pengurusan Sisa Pepejal

2.1. Sisa pepejal adalah bahan buangan hasil daripada aktiviti sosioekonomi atau bahan yang tidak lagi dikehendaki atau lebih setelah penyiapan sesuatu proses. Sisa pepejal termasuk sisa buangan domestik, sisa buangan pembinaan dan pengubahsuaian, sampah kebun dan sampah pukal. Purata kuantiti sisa pepejal yang diurus di Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT) adalah 105 metrik tan dan 120 metrik tan sehari. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, perbelanjaan pengurusan sisa pepejal bagi MDPM adalah berjumlah RM5.99 juta atau 21.6% daripada hasil dan bagi MDT pula sejumlah RM2.53 juta atau 10.3% berbanding hasil.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati pada umumnya pengurusan sisa pepejal adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Tong sampah yang disediakan tidak mencukupi.
- Tong sampah tidak digunakan.
- Tong sampah tidak diletak di tapak dikhaskan.
- Papan notis jadual kutipan tidak dipamerkan.
- Tindakan penguatkuasaan tidak diambil.
- Kerja pembersihan oleh pemajak kurang memuaskan kerana rumput di sekitar pasar besar tidak dipotong.

- Pengurusan tapak pelupusan kurang memuaskan kerana tapak pelupusan tidak dipagar, sampah tidak ditimbus, kemudahan *washing bay* tidak disediakan, jalan keluar masuk ke tapak pelupusan tidak disenggara dan sampah dibakar tanpa kelulusan JAS.

2.3. Bagi menambah baik pengurusan sisa pepejal di bawah kawasan pentadbiran Majlis, adalah disyorkan supaya Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT) mengambil langkah-langkah berikut:

2.3.1. Menambah bilangan tong sampah di kawasan penduduk padat untuk menampung kuantiti sampah yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

2.3.2. Mengadakan program kesedaran kepada orang awam dan mempertingkatkan penguatkuasaan mengenai undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pembersihan dan pelupusan sampah.

2.3.3. Mempertingkatkan kawal selia terhadap kontraktor supaya kerja pembersihan yang dijalankan adalah selaras dengan syarat-syarat perjanjian.

2.3.4. Kawalan dan penyenggaraan tapak pelupusan Majlis hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Majlis dan Jabatan Alam Sekitar.

3. PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

- Kelstone Sdn. Bhd.

3.1. Kelstone Sdn. Bhd. (KSB) ditubuhkan pada 14 Februari 1996. KSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan KSB adalah berjumlah RM5 juta dan modal membayar berjumlah RM0.60 juta. Aktiviti utama KSB adalah pelaburan di dalam sektor perlombongan dan industri kuari. Objektif utama syarikat adalah membangunkan pelbagai portfolio aset kepada perniagaan yang lebih menguntungkan menjelang tahun 2012 dengan keutamaan kepada perlombongan emas dan lain-lain deposit mineral berharga, industri kuari dan pemprosesan batuan dimensi marmar.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan KSB adalah kurang memuaskan walaupun kedudukan kerugian terkumpul makin berkurangan. KSB mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM1.54 juta pada tahun 2011 iaitu menurun sejumrah RM0.77 juta dari tahun 2010. Keuntungan sebelum cukai KSB pada tahun 2010 menurun berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai mencatatkan peningkatan pada tahun 2011. Analisis nisbah kewangan juga menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti KSB mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- Operasi perlombongan emas di Sokor belum dimulakan dan penilaian tidak dilakukan terhadap kemampuan syarikat pengusaha.
- Syarikat usaha sama mengalami kerugian dan kelewatan pengusaha memulakan kerja perlombongan *barite*.
- Bahagian Audit Dalam Dan Naziran PKINK belum melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan KSB.

3.3. Memandangkan projek perlombongan dan industri kuari memerlukan pelaburan modal yang besar, adalah disyorkan Kelstone Sdn. Bhd. (KSB) mengambil langkah berikut bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat:

3.3.1. Memastikan kerja perlombongan bagi kawasan yang mempunyai potensi mineral dirancang dengan teliti bagi menarik pelabur yang berpotensi.

3.3.2. Melakukan penilaian secara teliti terhadap kemampuan syarikat pengusaha supaya syarikat yang dipilih mempunyai kedudukan kewangan mantap dan kepakaran teknikal bagi melaksanakan projek perlombongan dan seterusnya menjana pendapatan kepada KSB dan Kerajaan Negeri.

3.3.3. Meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan bagi menjaga kepentingan pemegang saham.

4. PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

- **Ladang Tapis Sdn. Bhd.**

4.1. Ladang Tapis Sdn. Bhd. (LTSB) ditubuhkan pada 15 November 1995. LTSB merupakan subsidiari Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan dan modal berbayar LTSB masing-masing berjumlah RM5 juta. Sebelum penstruktur semula pada tahun 2011, LTSB dimiliki 100% oleh Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. (SLSTSB). Bagaimanapun selepas penstruktur semula, Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB) iaitu sebuah syarikat subsidiari milik penuh PKINK memiliki 100% pegangan ekuiti dalam LTSB dan 100% pegangan ekuiti dalam SLSTSB. Aktiviti utama LTSB adalah mengendalikan pengurusan ladang kelapa sawit seluas 1,926 hektar di Kuala Balah, Jeli. Antara objektif utama LTSB adalah mewujudkan pengurusan perladangan yang efisien dan efektif melalui *Good Manufacturing Practice* dan *Good Agriculture Practice* serta mencapai kecemerlangan operasi melalui *Total Quality Management* dan *Safety, Health, Environment, Quality*.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan LTSB adalah kurang memuaskan. LTSB mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.21 juta pada tahun 2011 iaitu meningkat sejumrah RM0.93 juta dari tahun 2010. Kerugian sebelum cukai LTSB menurun pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai yang dialami meningkat pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Analisis nisbah kewangan juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Pengeluaran buah tandan segar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Prestasi kewangan ladang kurang memuaskan.
- Cadangan bayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

4.3. Memandangkan perladangan kelapa sawit memerlukan pelaburan modal yang besar serta dapat menjana pendapatan yang lumayan kepada syarikat, adalah disyorkan Ladang Tapis Sdn. Bhd. (LTSB) mengambil langkah berikut bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat:

4.3.1. Memastikan amalan terbaik seperti Kod Amalan yang dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta garis panduan dan rujukan lain dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran buah tandan segar, produktiviti syarikat dan kualiti kelapa sawit.

4.3.2. Memastikan jalan ladang disenggara dengan baik bagi memudahkan pengangkutan hasil ke kilang pemprosesan.

4.3.3. Meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan bagi menjaga kepentingan pemegang saham.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 2 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat akan dilaporkan dalam laporan ini. Dua aktiviti tersebut adalah Pengurusan Skim Bantuan Am dan Pengurusan Sisa Pepejal serta 2 pengurusan syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan iaitu Kelstone Sdn. Bhd. dan Ladang Tapis Sdn. Bhd. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam laporan ini.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

2. PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan dan pemulihian kepada golongan sasar yang memerlukan bantuan dan membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari. JKM juga memainkan peranan penting dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sosialnya terhadap pembangunan rakyat di sesebuah negeri dalam mewujudkan masyarakat penyayang serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.

2.1.2. Skim Bantuan terdiri daripada Skim Bantuan Persekutuan dan Skim Bantuan Negeri. Skim Bantuan Persekutuan adalah seragam di antara semua negeri manakala Skim Bantuan Negeri adalah berbeza di mana syarat kelayakan dan kadar bantuan di antara negeri-negeri bergantung kepada dasar dan peruntukan Kerajaan Negeri masing-masing.

2.1.3. Skim Bantuan Am bertujuan untuk membantu menampung perbelanjaan harian penerima bantuan atau keluarga. Bantuan ini diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah jenis bantuan lain. Skim Bantuan Am di Negeri Kelantan melibatkan pemberian bantuan kewangan sebanyak RM50 hingga RM90 melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan tambahan sebanyak RM15 hingga RM30 melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan menjadikan jumlah Bantuan Am bulanan antara RM65 hingga RM120.

2.1.4. Pengauditan terhadap Skim Bantuan Am pernah dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKMN) pada tahun 2003. Dalam laporan tersebut, Audit telah membangkitkan isu mengenai kelewatan memproses permohonan bantuan, kelewatan pengembalian semula wang tidak dituntut dan kelewatan menamatkan bantuan yang tidak dituntut serta penyelenggaraan daftar yang kurang memuaskan.

2.1.5. Sejumlah RM22.36 juta diperuntukkan dan dibelanjakan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri sementara peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM7.82 juta dan RM7.36 juta daripadanya telah dibelanjakan bagi Skim Bantuan Am tahun 2010 hingga 2012. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan di bawah program Bantuan Am pada tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bantuan Am Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Bil. Penerima	Negeri		Persekutuan	
		Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2010	7,289	7.39	7.39	2.51	2.47
2011	7,256	7.40	7.40	2.77	2.40
2012	7,565	7.57	7.57	2.54	2.49
Jumlah		22.36	22.36	7.82	7.36

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

2.1.6. **Jadual 2.2** pula menunjukkan kedudukan pembayaran Bantuan Am mengikut Daerah/Jajahan. Pada tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM5.83 juta dibayar bagi Bantuan Am di Daerah Kota Bharu, RM5.25 juta bagi Jajahan Pasir Mas dan RM2.73 juta untuk Jajahan Pasir Puteh.

Jadual 2.2
Kedudukan Pembayaran Bantuan Am Mengikut Daerah/Jajahan
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Daerah/ Jajahan	2010		2011		2012		Jumlah Dibayar (RM Juta)
		Penerima (Bil.)	(RM Juta)	Penerima (Bil.)	(RM Juta)	Penerima (Bil.)	(RM Juta)	
1.	Kota Bharu	1,392	1.90	1,444	1.91	1,578	2.02	5.83
2.	Pasir Mas	1,280	1.87	1,161	1.77	1,086	1.61	5.25
3.	Pasir Puteh	705	0.89	707	0.89	740	0.95	2.73
Jumlah		3,377	4.66	3,312	4.57	3,404	4.58	13.81

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana Pengurusan Skim Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan Bantuan Am bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKMN) dan di 3 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan (PKMD/PKMJ) iaitu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Bharu (PKMD Kota Bharu), Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Mas (PKMJ Pasir Mas), dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Puteh (PKMJ Pasir Puteh). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod bantuan dan bayaran, fail, data serta dokumen berkaitan Skim Bantuan Am. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan serta penerima bantuan juga dilaksanakan. Lawatan ke rumah penerima bantuan juga dijalankan untuk menilai keberkesanan Skim ini. Pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara juga dibuat bagi menentukan status penerima bantuan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya Skim Bantuan Am telah berjaya membantu mengurangkan dan meringankan beban kewangan individu atau keluarga yang kurang berkemampuan. Bagaimanapun dari aspek pengurusannya, Skim Bantuan Am adalah kurang memuaskan disebabkan beberapa kelemahan seperti berikut:

- Bayaran masih diteruskan kepada penerima bantuan yang meninggal dunia.
- Permohonan bantuan lewat diluluskan.
- Kajian semula tidak dibuat terhadap penerima bantuan.
- Wang bantuan yang tidak dapat diagihkan lewat dikembalikan.
- Peruntukan bantuan tidak mencukupi.
- Pembayaran bulanan bantuan tertunggak selama 4 bulan.

2.4.1. Bayaran Berterusan Kepada Penerima Meninggal Dunia

2.4.1.1. Bantuan sepatutnya hanya diberi kepada penerima yang layak dan masih hidup. Hasil pengauditan mendapati seramai 93 orang penerima Bantuan Am di PKMD Kota Bharu, PKMJ Pasir Mas dan PKMJ Pasir Puteh telah meninggal dunia antara tahun 2005 hingga 2012, berdasarkan pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Keadaan ini berlaku kerana kajian semula tidak dibuat terhadap penerima bantuan untuk mengetahui status mereka dan terdapat juga kajian semula yang tidak tepat kerana mengesyorkan bantuan diteruskan walaupun sebenarnya penerima telah meninggal

dunia. Pemeriksaan lanjut juga mendapati bayaran kepada penerima yang telah meninggal dunia berlaku disebabkan tiada koordinasi di antara Unit Bantuan dan Unit Kewangan mengakibatkan bayaran masih diteruskan walaupun fail penerima bantuan telah ditutup. Butiran mengenai penerima bantuan yang telah meninggal dunia tetapi masih wujud dalam senarai baucar bayaran adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Penerima Bantuan Am Telah Meninggal Dunia

Bil.	Daerah/Jajahan	Tahun/Bilangan Kes								Jumlah Kes
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	
1.	Kota Bharu	-	1	1	1	2	5	18	19	47
2.	Pasir Mas	1	-	-	1	1	3	6	9	21
3.	Pasir Puteh	-	-	1	-	1	2	12	9	25
Jumlah		1	1	2	2	4	10	36	37	93

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara

2.4.1.2. Pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan seramai 93 orang telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, 41 kes adalah melibatkan penerima bantuan melalui bank manakala 52 kes yang selebihnya adalah bantuan secara tunai.

a. Bantuan Melalui Bank

- i. Semakan Audit mendapati terdapat 41 kes bantuan dimasukkan melalui akaun bank kepada penerima meninggal dunia yang membabitkan bantuan berjumlah RM110,700. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM65,691 telah dikeluarkan oleh waris penerima bantuan. Baki akaun bank penerima bantuan yang telah meninggal dunia sehingga 31 Disember 2012 berjumlah RM45,009 seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Bantuan Masih Dibayar Kepada Penerima Meninggal Dunia

Bil.	Daerah/Jajahan	Bil. Kes	Jumlah Bantuan (RM)	Baki Akaun Bank Penerima (RM)	Perbezaan (RM)
1.	Kota Bharu	16	46,500	17,140	29,360
2.	Pasir Mas	19	47,120	19,051	28,069
3.	Pasir Puteh	6	17,080	8,818	8,262
Jumlah		41	110,700	45,009	65,691

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

- ii. Analisis Audit bagi Daerah Kota Bharu mendapati bantuan berjumlah RM46,500 telah dimasukkan ke dalam 16 akaun penerima bantuan yang telah meninggal dunia. Daripada jumlah bantuan tersebut, baki di bank pada 26 Disember 2012 menunjukkan RM17,140 sahaja dengan sejumlah RM29,360 telah dikeluarkan selepas tarikh kematian penerima bantuan.

- iii. Bagi Jajahan Pasir Mas, analisis Audit mendapati sejumlah RM47,120 telah dimasukkan ke dalam 19 akaun penerima bantuan yang telah meninggal dunia. Daripada jumlah bantuan tersebut, baki di bank pada 29 November 2012 adalah RM19,051 sahaja. Ini menunjukkan sejumlah RM28,069 telah dikeluarkan selepas tarikh kematian penerima bantuan.
- iv. Bagi Jajahan Pasir Puteh, analisis Audit mendapati bantuan berjumlah RM17,080 telah dimasukkan ke dalam 6 akaun penerima bantuan yang telah meninggal dunia. Bagaimanapun, semakan baki bank pada 26 Disember 2012 menunjukkan RM8,818 dengan sejumlah RM8,262 telah dikeluarkan selepas tarikh kematian penerima bantuan.
- v. **Maklum balas daripada JKMN bertarikh 10 Januari 2013 menyatakan, pihak PKMD Kota Bharu dan PKMJ Pasir Mas telah mengambil tindakan segera bagi menghentikan pembayaran bantuan pada Disember 2012 kepada penerima meninggal dunia setelah pihak Audit menyerahkan pengesahan kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Selain itu, PKMD Kota Bharu dan PKMJ Pasir Mas juga telah mengeluarkan surat permohonan kepada bank yang terlibat agar wang bantuan terbabit dikembalikan kepada JKMN. Manakala PKMJ Pasir Puteh akan mengambil tindakan yang sama. Di samping itu, pihak PKMD/PKMJ dalam proses mengesan waris penerima bantuan untuk tujuan menuntut bayaran balik wang bantuan yang telah dikeluarkan melalui bank berjumlah RM65,691.**

b. Bantuan Secara Tunai

- i. Berdasarkan Surat Pekeling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bil. 1 Tahun 2010 mengenai Penambahbaikan Sistem Pengurusan Bayaran Bantuan Secara Tunai, bagi bayaran bantuan yang tidak dituntut sehingga 3 bulan, Pegawai Kes perlu membuat lawatan ke rumah penerima bantuan dan sekiranya didapati penerima tersebut telah berpindah atau meninggal dunia maka kes perlu ditamatkan serta-merta dan namanya hendaklah dikeluarkan daripada senarai baucar bayaran dengan segera.
- ii. Semakan Audit mendapati terdapat 52 kes penerima bantuan secara tunai telah meninggal dunia tetapi nama berkenaan masih wujud di dalam senarai baucar bayaran walaupun bantuan tidak dituntut melebihi 3 bulan dan ada yang mencapai 26 bulan tanpa sebarang tindakan diambil untuk menamatkan bantuan atau nama dikeluarkan daripada senarai baucar bayaran seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Nama Penerima Bantuan Meninggal Dunia
Tidak Dikeluarkan Daripada Senarai Baucar Bayaran

Bil.	Daerah/Jajahan	Bil. Kes	Tempoh Bantuan Tidak Dituntut (Bulan)
1.	Kota Bharu	31	3 - 26
2.	Pasir Mas	2	3 - 4
3.	Pasir Puteh	19	3 - 24
Jumlah		52	3 - 26

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

- iii. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku kerana PKMD/PKMJ tidak meneliti dan menyemak Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan setiap bulan bagi menamatkan pembayaran bantuan jika berkaitan. Keadaan ini menyebabkan wang bantuan yang terlibat dengan pemulangan bantuan ini tidak dapat disalurkan kepada pemohon-pemohon baru yang memerlukan bantuan.
- iv. **Maklum balas daripada JKMN bertarikh 10 Januari 2013 memaklumkan bahawa PKMD Kota Bharu dan PKMJ Pasir Mas telah mengambil tindakan mengeluarkan nama penerima bantuan yang telah meninggal dunia daripada senarai baucar bayaran. Selain itu, pihak JKMN akan membuat semakan status penerima bantuan melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) secara berkala bagi kesemua Jajahan dengan mengambil kira kapasiti JPN memandangkan jumlah keseluruhan penerima bagi semua skim bantuan yang mencecah 36,000 orang.**

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bantuan kepada penerima adalah tidak memuaskan kerana wang bantuan masih dibayar melalui bank kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia. Selain itu, nama penerima bantuan yang telah lama meninggal dunia tetapi masih tidak dikeluarkan daripada senarai baucar bayaran boleh meningkatkan risiko berlakunya penyelewengan dan menyebabkan permohonan baru lambat diluluskan.

2.4.2. Permohonan Bantuan Lewat Diluluskan

- 2.4.2.1.** Setiap permohonan yang diterima hendaklah disiasat dan diluluskan dalam tempoh sebulan dari tarikh permohonan diterima. Setelah borang permohonan bantuan diterima oleh PKMD/PKMJ, pegawai kebajikan akan membuat siasatan dengan menetapkan tarikh lawatan ke rumah pemohon bagi mendapatkan gambaran status kehidupan pemohon dan keluarga dengan lebih jelas. Seterusnya borang siasatan permohonan yang telah lengkap diisi akan dikemukakan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan untuk kelulusan.

2.4.2.2. Semakan Audit terhadap 270 fail kes Bantuan Am di Kota Bharu, Pasir Mas dan Pasir Puteh mendapati sebanyak 122 fail atau 45.2% lewat diluluskan iaitu antara 61 hingga 1,017 hari. Bagi PKMD Kota Bharu, 29 atau 87.9% daripada 33 fail penerima bantuan yang disemak berlaku kelewatan antara 102 hingga 584 hari. Sementara di PKMJ Pasir Mas, 57 atau 38.5% daripada 148 permohonan bantuan lewat diproses dan diluluskan antara 62 hingga 540 hari. Manakala bagi PMKJ Pasir Puteh, 36 atau 40.4% daripada 89 fail yang disemak lewat antara 61 hingga 1,017 hari. Kedudukan kes permohonan lewat diluluskan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Permohonan Lewat Diluluskan

Bil.	Daerah/Jajahan	Bil. Fail Disemak	Permohonan Lewat Diluluskan		
			Bil. Fail	Tempoh Permohonan Diproses Dan Diluluskan (Hari)	Peratus (%)
1.	Kota Bharu	33	29	102 - 584	87.9
2.	Pasir Mas	148	57	62 - 540	38.5
3.	Pasir Puteh	89	36	61 - 1,017	40.4
Jumlah		270	122		45.2

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

2.4.2.3. Antara sebab kelewatan ini berlaku adalah kerana pegawai kebajikan perlu membuat lawatan dan siasatan ke rumah penerima bantuan berulang kali akibat pemohon tiada di rumah atau lokasi rumah tidak dapat dikesan. Selain itu, kelewatan juga disebabkan peruntukan yang diterima terhad dan hanya meliputi penerima bantuan sedia ada, iaitu permohonan baru hanya akan diluluskan berdasarkan bilangan penerima sedia ada meninggal dunia atau berpindah keluar daerah/jajahan pada bulan berkenaan.

2.4.2.4. **Maklum balas daripada JKMN bertarikh 10 Januari 2013 memaklumkan bahawa pihak JKMN akan memastikan kelewatan ini tidak berulang melalui penubuhan *task force* di peringkat JKMN yang akan dilaksanakan sepanjang tahun secara berkala. Selain itu, pihak JKMN juga dalam proses melaksanakan program *Exit Policy* ataupun Program Pemutihan yang bertujuan mengesan kes bantuan yang boleh ditamatkan supaya peruntukan tersebut dapat disalur kepada penerima bantuan baru yang lebih memerlukan.**

Pada pendapat Audit, tempoh kelulusan permohonan bantuan adalah kurang memuaskan kerana terdapat 45.2% kes lewat diproses dan diluluskan melebihi tempoh sebulan.

2.4.3. Kajian Semula Tidak Dilaksanakan

2.4.3.1. Tempoh kelulusan bagi setiap pemberian bantuan adalah setahun. Kajian semula kes perlu dijalankan sekali setahun iaitu sebelum tempoh bantuan yang telah diluluskan itu tamat bagi menilai sama ada bantuan boleh diteruskan atau perlu

ditamatkan. Selain itu, melalui kajian semula pihak JKMN dapat mengenal pasti kes-kes tertentu yang layak untuk ditukarkan kepada skim bantuan lain yang lebih sesuai. Semakan Audit terhadap 175 kes Bantuan Am yang diluluskan dari tahun 2010 hingga 2012 mendapati 36 kes yang tidak dibuat kajian semula dengan tempoh kelewatan antara 1 hingga 20 bulan seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Kajian Semula Kes Tidak Dilaksanakan

Bil.	Daerah/Jajahan	Bil. Fail Disemak	Kajian Semula Tidak Dilaksanakan		
			Bil. Fail	Tempoh (Bulan)	Peratus (%)
1.	Kota Bharu	31	14	1 – 20	45.2
2.	Pasir Mas	101	-	-	-
3.	Pasir Puteh	43	22	1 – 20	51.2
Jumlah		175	36		20.6

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

2.4.3.2. Temu bual Audit dengan kakitangan PKMD/PKMJ mendapati kajian semula kes tidak dilaksanakan adalah disebabkan masalah kekurangan kakitangan. Semakan Audit terhadap PKMD/PKMJ yang dilawati mendapati, pada tahun 2012 seorang pegawai mengendalikan antara 263 hingga 730 kes di bawah program bantuan persekutuan dan negeri. Pegawai ini bertanggungjawab terhadap semua urusan yang berkaitan dengan bantuan termasuk memproses permohonan, menjalankan siasatan, menjalankan kajian semula kes serta mengagihkan bantuan. Berdasarkan kepada standard pentadbiran JKMN, nisbah beban kerja yang ditetapkan adalah 1:250 kes di mana seorang pegawai sepatutnya mengendalikan 250 kes sahaja pada sesuatu masa. Perbandingan nisbah beban kerja bagi seorang pegawai mengikut Jajahan bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Bilangan Kes Bantuan Diuruskan Oleh Pegawai

Bil.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan	Nisbah Pegawai Kes Berbanding Kes Bantuan
1.	Kota Bharu	1:543 – 1:723
2.	Pasir Mas	1:263 – 1:370
3.	Pasir Puteh	1:350 – 1:730
Jumlah		1:263 – 1:730

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

2.4.3.3. Ketiadaan kajian semula kes menyebabkan bantuan terus diterima oleh penerima bantuan walaupun tempoh bantuan telah tamat. Di samping itu, terdapat kes yang sepatutnya layak dipindahkan kepada skim bantuan lain seperti Bantuan Orang Tua atau Bantuan Pesakit Terlantar tetapi tidak boleh dilakukan kerana kajian semula tidak dibuat.

2.4.3.4. Menurut Akhbar Utusan Malaysia pada 5 November 2012 Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat membuat kenyataan bahawa wujud lebihan beban tugas kakitangan JKM disebabkan kekurangan kakitangan seperti di **Keratan Akhbar 2.1**. Beliau turut memaklumkan bahawa Kementerian sedang berusaha mengatasi masalah tersebut dengan membuat permohonan perjawatan tambahan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Keratan Akhbar 2.1
Beban Tugas Kakitangan JKM

Beban tugas kakitangan JKM 10 kali ganda



HENG SEAI KEI

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Dewan Rakyat diberitahu bahawa beban tugas kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di negara ini 10 kali ganda melebihi piawaian antarabangsa disebabkan masalah ketukaran pekerja.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kei sehubungan itu memohon orang ramai bersabar dan bertimbang rasa jika terdapat kelewatan dalam memproses permohonan yang dibuat oleh mereka.

Beliau berkata, kementerian sedang berusaha mengatasi masalah tersebut dengan membuat permohonan perjawatan tambahan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan berharap, ia dapat diluluskan dalam kadar segera.

"Kadang-kadang berlaku kelewatan kerana JKM kurang kakitangan. Beban tugas mereka 10 kali ganda lebih tinggi daripada piawaian antarabangsa," katanya semasa menggulung sesi perbahasan peringkat jawatankuasa Rang Undang-Undang Perbekalan 2013, kementerian itu di Parlimen hari ini.

Dalam pada itu, Seai Kei memberitahu, sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerajui kementerian berkenaan, jumlah pendaftruan tamu suhan kanak-kanak (Taska) meningkat sebanyak 56.78 peratus berbanding 2011.

Katanya, sehingga September lalu, sebanyak 1,284 buah taska baru telah difafrarkan bagi memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan dan pembelajaran secara sistematis sejak dari awal lagi.

Sementara itu, sesi penggulungan yang sepatutnya berjalan lancar terganggu apabila beberapa pemimpin wanita pembangkang antaranya Fuziah Salleh (PKR-Kuantan) dan Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) berterusan menganggu ucapan Seai Kei.

Keaduan itu memaksa Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar membuat teguran kepada mereka tetapi tetap tidak "diendahkan" memaksa Seai Kei membuat keputusan memberi jawapan secara bertulis.

Sumber: Utusan Malaysia
Tarikh: 5 November 2012

2.4.3.5. Mengikut maklum balas daripada JKMN bertarikh 10 Januari 2013, pihak JKMN mensasarkan bayaran bantuan melalui bank sehingga 90% bagi semua PKMJ untuk mengurangkan beban tugas pembayaran bantuan secara tunai dan seterusnya pegawai dapat melaksanakan kajian semula dengan berkesan. Selain itu, JKMN akan mewujudkan kerjasama dengan pemimpin masyarakat seperti penggawa, penghulu dan imam masjid bagi membantu proses pengesahan status penerima bantuan.

Pada pendapat Audit, kajian semula kes adalah kurang memuaskan kerana terdapat 36 kes tidak dibuat kajian semula menyebabkan bantuan terus diagihkan walaupun status kelayakan penerima bantuan belum disemak semula. Oleh itu beban tugas kakitangan PKMD/PKMJ perlu dilihat secara serius oleh pihak yang berkenaan.

2.4.4. Wang Bantuan Tidak Dituntut Lewat Dikembalikan

2.4.4.1. Sekiranya wang bantuan tidak dapat diagihkan dalam masa 21 hari, wang tersebut hendaklah dengan serta-merta dimasukkan ke dalam akaun bank Kerajaan. Semakan Audit terhadap Daftar Bayaran di PKMD/PKMJ mendapati bagi tahun 2010 hingga 2012, berlaku 34 kes kelewatan mengembalikan wang bantuan tidak dituntut ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan antara 7 hingga 54 hari melibatkan wang tunai berjumlah RM76,120 seperti di **Jadual 2.9**. Temu bual dengan kakitangan PKMJ mendapati antara sebab berlakunya kelewatan tersebut adalah seperti berikut:

- Penerima tidak hadir ke pusat bayaran pada tarikh yang ditetapkan.

- b. Penerima tiada di rumah semasa proses bayaran bantuan ke rumah dijalankan.
- c. Penerima tiada di dalam daerah.

Jadual 2.9
Wang Bantuan Tidak Dituntut Lewat Dikembalikan

Bil.	Daerah/Jajahan	Bil. Kes	Bil. Hari	Amaun (RM)
1.	Kota Bharu	26	7 – 54	60,230
2.	Pasir Mas	-	-	-
3.	Pasir Puteh	8	7 – 22	15,890
Jumlah		34	7-54	76,120

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan

2.4.4.2. Kelewatan mengembalikan wang tunai tidak dituntut mengakibatkan keselamatan wang tunai di pejabat tidak terjamin kerana terdedah kepada risiko seperti kecurian dan penyalahgunaan.

2.4.4.3. **Berdasarkan maklum balas daripada JKMN bertarikh 10 Januari 2013, bermula Mac 2013 pihak JKMN mensasarkan pembayaran bantuan melalui bank sehingga 90% dengan pelaksanaan Akaun Transit bank yang dijangka dapat meminimumkan pembayaran secara tunai dan seterusnya menyelesaikan masalah kelewatan pengembalian wang tidak dituntut.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pemulangan wang bantuan adalah kurang memuaskan kerana masih berlaku kelewatan dalam mengembalikan wang bantuan yang tidak dituntut.

2.4.5. Peruntukan Tidak Mencukupi

2.4.5.1. Peruntukan yang disediakan di dalam bajet tahunan oleh setiap Jabatan sepatutnya mencukupi bagi keperluan perbelanjaan tahun semasa. Semakan Audit mendapati bayaran Bantuan Am bagi bulan Disember 2011 dibuat menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan sepenuhnya kerana peruntukan Negeri tidak mencukupi. Sejumlah RM430,000 peruntukan tambahan telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada JKMN Kelantan bagi tujuan menampung bayaran tersebut.

2.4.5.2. Antara sebab berlakunya peruntukan tidak mencukupi kerana pertambahan mendadak bilangan penerima bantuan kesan daripada Projek Cari yang bertujuan mengesan kumpulan sasaran yang terpencil dan terpinggir yang tidak berpeluang mendapat bantuan JKMN termasuklah keluarga miskin, warga emas yang terlantar dan kanak-kanak tidak bersekolah. Projek ini merupakan suatu pendekatan proaktif di mana pegawai JKMN keluar mencari golongan yang memerlukan bantuan dan berbeza dengan pendekatan sedia ada yang mana JKMN hanya menerima borang permohonan di pejabat.

2.4.5.3. Bagaimanapun bagi tujuan Bantuan Am tahun 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan kepada JKMN berjumlah RM370,000 pada Oktober 2012 untuk tujuan menampung bayaran Bantuan Am tahun 2012.

Pada pendapat Audit, kekurangan peruntukan akan menyebabkan bantuan lewat disalurkan. Bagaimanapun tindakan JKMN adalah memuaskan kerana telah mengambil langkah bagi menyelesaikan masalah kekurangan peruntukan pada tahun 2012.

2.4.6. Pembayaran Bulanan Bantuan Tertunggak

2.4.6.1. Setelah permohonan bantuan diluluskan, bayaran Bantuan Am sepatutnya diberikan setiap bulan bagi membantu menampung perbelanjaan harian penerima bantuan atau keluarga. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bayaran Bantuan Am di PKMJ Pasir Puteh bagi kawasan DUN Limbongan telah tertunggak selama 4 bulan di mana kali terakhir bantuan dibayar adalah pada 26 Julai 2012 iaitu bantuan untuk bulan Ogos 2012. Pembayaran bagi jumlah bantuan tertunggak telah dibuat pada 3 Disember 2012.

2.4.6.2. Temu bual Audit dengan kakitangan PKMJ mendapati bahagian pentadbiran PKMJ Pasir Puteh telah bertindak menunda pembayaran setelah mendapati pegawai kes tidak membuat kajian semula. Dikhuatiri seramai 180 orang penerima bantuan DUN Limbongan terjejas kerana tidak menerima bantuan selama 4 bulan berturut-turut. Penerima bantuan yang benar-benar bergantung kepada wang Bantuan Am bagi menampung perbelanjaan harian mengalami kesukaran kerana wang bantuan tidak diterima sebagaimana yang sepatutnya.

2.4.6.3. Berdasarkan maklum balas JKMN bertarikh 10 Januari 2013, kajian semula tidak dapat dilakukan kerana kebanyakan fail bantuan am bagi DUN Limbongan mengalami kerosakan dan tidak ditemui setelah pejabat PKMJ Pasir Puteh berpindah pada tahun 2010. Bagaimanapun fail berkenaan telah diperkemaskan dan kajian semula juga telah selesai dilaksanakan pada Disember 2012.

Pada pendapat Audit, tunggakan bayaran bantuan sehingga 4 bulan tidak sepatutnya berlaku kerana ia akan memberi kesan kepada penerima bantuan yang bergantung sepenuhnya kepada bantuan ini.

2.5. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan yang ditemui, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Bharu (PKMD Kota Bharu), Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Mas (PKMJ Pasir Mas) dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Puteh (PKMJ Pasir Puteh) mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.5.1.** Mewujudkan koordinasi antara JKMN dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memudahkan dan mempercepatkan pengesahan penerima bantuan dilakukan serta menghentikan pembayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- 2.5.2.** Memastikan wang bantuan yang telah dimasukkan ke dalam akaun bank penerima bantuan yang telah meninggal dunia dikembalikan semula kepada JKMN.
- 2.5.3.** Mengkaji semula proses siasatan dan kelulusan permohonan baru serta kajian semula kes yang lebih praktikal supaya keputusan dapat dibuat dengan lebih cepat.
- 2.5.4.** Memastikan kesemua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan mengembalikan wang bantuan tidak dituntut kepada JKMN dalam tempoh 21 hari.

MAJLIS DAERAH PASIR MAS MAJLIS DAERAH TUMPAT

3. PENGURUSAN SISA PEPEJAL

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta 171/1976. Antara fungsi utama MDPM dan MDT adalah untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di dalam kawasannya bagi memberi keselesaan kepada penduduk bagi mewujudkan bandar yang bersih dan indah. Pada masa ini perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di Negeri Kelantan masih di bawah pengurusan PBT dan belum diswastakan.

3.1.2. Sisa pepejal adalah bahan buangan hasil daripada aktiviti sosioekonomi atau bahan yang tidak lagi dikehendaki atau lebih setelah penyiapan sesuatu proses. Sisa pepejal termasuk sisa buangan domestik, sisa buangan pembinaan dan pengubahsuaian, sampah kebun dan sampah pukal. Penjanaan sisa pepejal semakin meningkat akibat pertumbuhan sosioekonomi seperti perkembangan perdagangan, pertambahan penduduk, pertumbuhan pembangunan (bangunan dan premis), perubahan kebudayaan dan amalan. Sisa pepejal di Malaysia secara purata terdiri daripada sisa makanan, plastik, kertas, besi, kaca dan bahan lain.

3.1.3. MDPM dan MDT yang terletak di utara Negeri Kelantan dan bersempadan dengan Negara Thailand merupakan tempat tumpuan pelancong ke Negeri Kelantan. MDPM meliputi kawasan seluas 578 km persegi dan MDT pula meliputi kawasan seluas 193 km persegi. Purata kuantiti sisa pepejal yang diurus di MDPM dan MDT adalah 105 metrik tan dan 120 metrik tan sehari. Bahagian Kebersihan Majlis bertanggungjawab untuk menguruskan kerja-kerja kebersihan di kawasan masing-masing. Peralatan dan kenderaan yang digunakan oleh MDPM dan MDT untuk menguruskan sisa pepejal adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Peralatan Dan Kenderaan

Bil.	Peralatan/Kenderaan	Bilangan	
		MDPM	MDT
1.	Tong sampah kompaktor	108	318
2.	Tong sampah kecil	-	32
3.	Lori kompaktor	7	4
4.	Lori Tipper	1	1
5.	Lori Roll On Roll Off (RORO)	2	-
6.	Jentera Backhoe Loader	1	1
7.	Motosikal Roda Tiga	5	2

Sumber: Rekod Majlis

3.1.4. Perbelanjaan pengurusan sisa pepejal bagi tempoh 2010 hingga 2012 berjumlah RM5.99 juta atau 21.6% daripada hasil bagi MDPM dan RM2.53 juta atau 10.3% berbanding hasil bagi MDT. **Jadual 3.2** menunjukkan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2010 hingga 2012.

Jadual 3.2

Hasil Dan Perbelanjaan Pengurusan Sisa Pepejal MDPM Dan MDT Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	MDPM			MDT		
	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan Berbanding Pendapatan (%)	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan Berbanding Pendapatan (%)
2010	8.89	2.02	22.7	7.82	0.78	10.0
2011	8.43	2.41	28.6	8.96	0.84	9.4
2012	10.39	1.56	15.0	7.90	0.91	11.5
Jumlah	27.71	5.99	21.6	24.68	2.53	10.3

Sumber: Rekod Majlis

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan dan garis panduan bagi mencapai objektif mewujudkan bandar yang bersih dan indah.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pembersihan, pengumpulan, kutipan, pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal bagi tahun 2010 hingga 2012 dijalankan di Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT). Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan sisa pepejal di kedua-dua Majlis. Selain itu, lawatan Audit ke lokasi untuk menilai kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal juga dibuat bersama pegawai Majlis untuk mendapat pengesahan dan penjelasan lanjut. Data dan maklumat mengenai statistik penyakit turut diperolehi daripada Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat. Soal selidik juga telah diedarkan kepada penduduk setempat untuk mendapat maklum balas terhadap pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh Majlis.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati pada umumnya pengurusan sisa pepejal adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Tong sampah yang disediakan tidak mencukupi.
- Tong sampah tidak digunakan.

- Tong sampah tidak diletak di tapak dikhaskan.
- Papan notis jadual kutipan tidak dipamerkan.
- Tindakan penguatkuasaan tidak diambil.
- Kerja pembersihan oleh pemajak kurang memuaskan kerana rumput di sekitar pasar besar tidak dipotong.
- Pengurusan tapak pelupusan kurang memuaskan kerana tapak pelupusan tidak dipagar, sampah tidak ditimbus, kemudahan *washing bay* tidak disediakan, jalan keluar masuk ke tapak pelupusan tidak disenggara dan sampah dibakar tanpa kelulusan JAS.

3.4.1. Penyediaan Dan Penggunaan Tong Sampah

Penyediaan bekalan tong sampah yang mencukupi adalah amat penting untuk menampung jumlah sampah yang semakin meningkat. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis di sekitar kawasan pentadbiran Majlis mendapati penyediaan dan penggunaan tong sampah di kedua-dua Majlis adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui ialah tong sampah tidak mencukupi, tidak digunakan dan tidak diletak di tapak yang dikhaskan.

3.4.1.1. Tong Sampah Tidak Mencukupi

Tong sampah hendaklah disediakan dengan mencukupi berdasarkan penjanaan jumlah sisa pepejal dan kepadatan penduduk di sesuatu kawasan. Kadar yang ditetapkan oleh Majlis ialah 1:20 iaitu bagi setiap 20 unit rumah atau kedai, sebuah tong sampah hendaklah disediakan. Majlis juga perlu memastikan tong sampah di setiap laluan utama mencukupi dan berada dalam keadaan bersih dan teratur bagi memastikan objektif mewujudkan bandar yang bersih dan indah tercapai.

a. Laluan Utama

- i. Pada 16 Julai dan 24 Julai 2012 pihak Audit telah membuat lawatan ke Kampung Tendong dan Jalan Pasir Pekan - Pasir Mas sepanjang 7.5 km dan mendapati hanya 8 tong sampah disediakan berbanding 600 buah rumah/kedai di kawasan tersebut. Anggaran bilangan tong sampah yang sepatutnya disediakan adalah sebanyak 30 buah. Bilangan tong sampah yang tidak mencukupi ini menyebabkan berlaku pembuangan sampah di luar tong kerana tong sampah telah dipenuhi. Contoh seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Manakala bagi taman perumahan di dalam bandar Pasir Mas, didapati penyediaan tong sampah adalah mencukupi.

Gambar 3.1



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tendong, Pasir Mas
Tarikh: 16 Julai 2012

Sampah Dibuang Di Luar Tong

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pasir Pekan - Pasir Mas
Tarikh: 24 Julai 2012

- ii. Hasil temu bual dengan penduduk setempat mendapati tong sampah yang dibekalkan adalah tidak mencukupi untuk menampung sampah yang dibuang pada setiap hari. Kesannya, sampah yang dibuang di luar tong telah mencemarkan persekitaran serta melambatkan kerja pemungutan.
- iii. **Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, MDPM akan membuat semakan semula mengikut keperluan dan kepadatan penduduk setempat, kapasiti sampah dan kemampuan kewangan.**

b. Taman Perumahan

- i. Semakan Audit mendapati pihak MDT telah menyediakan tong sampah yang mencukupi di sekitar laluan utama dalam kawasan pentadbiran MDT. Sungguhpun begitu didapati hanya 16 tong sampah disediakan di 3 buah taman perumahan di Pasir Pekan, Tumpat berbanding dengan bilangan rumah di kawasan tersebut sebanyak 1,105 buah. Berdasarkan kepadatan penduduk di taman ini, bilangan tong sampah bersaiz 1,100 liter yang sepatutnya disediakan ialah 56 buah. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

Bilangan Rumah Dan Tong Sampah Di Taman Perumahan

Bil.	Taman Perumahan	Bil. Rumah	Tong Sampah Diperlukan (Bil.)	Saiz (Liter)	Tong Sampah Disediakan (Bil.)	Saiz (Liter)	Perbezaan (Bil. Tong Sampah)
1.	Taman SBJ Putra, Pasir Pekan	631	32	1,100	6	1,100	(26)
2.	Taman Bandar Baru Pasir Pekan	324	16	1,100	6	1,100	(10)
3.	Taman Kota Ville Indah	150	8	1,100	4	1,100	(4)
Jumlah		1,105	56		16		(40)

Sumber: Rekod Majlis

- ii. Tong sampah tidak mencukupi di kawasan ini kerana tiada tempat yang sesuai untuk diletakkan tong sampah. Penduduk tidak mahu tong sampah diletakkan berdekatan dengan rumah mereka kerana bau busuk. Kekurangan tong sampah ini menyebabkan sampah dibuang di luar tong sampah. **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.5** menunjukkan sampah dibuang di luar tong yang ditempatkan di Taman Bandar Baru Pasir Pekan dan Taman SBJ Putra.

Gambar 3.3

Sampah Dibuang Di Luar Tong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bandar Baru Pasir Pekan, Tumpat
Tarikh: 3 September 2012

Gambar 3.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bandar Baru Pasir Pekan, Tumpat
Tarikh: 3 September 2012



Gambar 3.5
Sampah Dibuang Di Luar Tong

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman SBJ Putra, Tumpat
Tarikh: 21 November 2012

- iii. Kesan dari sampah dibuang di luar tong dan persekitaran yang kotor telah menjadi punca utama merebaknya pelbagai jenis penyakit berjangkit. Laporan statistik bilangan penyakit berjangkit yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat menunjukkan penyakit demam denggi, tibi, tangan, kuku dan mulut adalah tertinggi berbanding penyakit lain. Statistik penjenisan penyakit berjangkit bagi tahun 2008 hingga 2012 yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Statistik Bilangan Kes Penyakit Berjangkit Di Jajahan Tumpat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Bil.	Jenis Penyakit	2008	2009	2010	2011	2012
1.	Demam Denggi	207	63	226	29	80
2.	Tibi	160	133	143	154	129
3.	Gonorrhoea (jangkitan bakteria)	-	-	-	3	6
4.	Demam kepialu	6	8	1	3	4
5.	Taun	-	2	6	-	-
6.	Keracunan makanan	5	7	2	3	3
7.	Measles (campak)	-	-	-	4	6
8.	Leptospirosis (penyakit demam)	-	-	-	5	8
9.	Tangan, kuku dan mulut	-	-	-	14	174
10.	Pertusis (penyakit saluran pernafasan)	-	-	-	3	8
11.	Hepatitis C	-	-	-	7	7
12.	Hepatitis B	-	-	-	6	5

Sumber: Laporan Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat

- iv. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat, antara sebab berlakunya penyakit demam denggi dan demam kepialu adalah akibat daripada bawaan nyamuk dan persekitaran yang kotor termasuk pembuangan sampah di tempat yang tidak dikhaskan dan sampah yang dibuang di luar tong sampah. Laporan tersebut juga menyatakan tong sampah yang disediakan oleh Majlis adalah tidak mencukupi dan perlu ditambah bagi mengatasi masalah pembuangan sampah di luar tong sampah. Penduduk juga perlu diberi kesedaran tentang keperluan menjaga kebersihan persekitaran bagi mengelak berlakunya penyakit berjangkit akibat kotoran yang tidak terurus.

- v. **Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, MDT akan menambah sebanyak 4 unit tong sampah masing-masing di Taman SBJ Putra dan Taman Bandar Baru Pasir Pekan. Pihak Majlis juga memaklumkan tong sampah akan diletak di lokasi yang sesuai supaya tidak menerima bantahan daripada penduduk setempat. Selain itu, bahu jalan yang sempit juga menghalang MDT untuk meletak tong sampah. MDT juga bersama Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat telah bekerjasama untuk kawalan Aedes iaitu kawasan taman perumahan adalah di bawah tanggungjawab pihak Majlis dan di luar kawasan taman perumahan adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat. Laporan kes demam denggi yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat dari Januari hingga Oktober 2012 menunjukkan kes demam denggi hanya berlaku di kawasan di luar kawalan MDT.**

3.4.1.2. Tong Sampah Tidak Digunakan

Pada tahun 2011, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah membekalkan sebanyak 954 buah tong sampah membabitkan peruntukan RM1.09 juta kepada 12 PBT di Negeri Kelantan. Pemberian ini adalah bagi mengatasi masalah PBT yang kekurangan sumber kewangan untuk membekalkan tong sampah. Lawatan Audit ke Bengkel

Mekanikal MDPM pada 10 Julai 2012 mendapati sebanyak 40 tong sampah yang dibekalkan masih disimpan di bengkel MDPM. Mengikut penjelasan pegawai Majlis, tong sampah ini tidak boleh digunakan kerana tidak mempunyai palang besi pengangkat dan ini menyukarkan lori kompaktor untuk mengangkat tong sampah tersebut. Kesannya, berlaku pembaziran di mana tong sampah dengan anggaran harga RM850 sebuah dan anggaran keseluruhan berjumlah RM34,000 tidak dapat digunakan untuk kemudahan penduduk setempat. Bagaimanapun, MDT dan PBT lain telah mengubah suai tong sampah ini untuk digunakan. Tong sampah yang tidak digunakan di MDPM dan tong sampah yang diubahsuai di MDT adalah seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**. **Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, tong sampah yang dibekalkan oleh JPSPN akan dibuat pengubahsuian yang melibatkan kos antara RM300 hingga RM400 sebuah.**

Gambar 3.6
Tong Sampah Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Mekanikal, MDPM
Tarikh: 10 Julai 2012

Gambar 3.7
Tong Sampah Diubahsuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Mekanikal, MDT
Tarikh: 20 Januari 2013

3.4.1.3. Tong Sampah Tidak Diletak Di Tapak Dikhaskan

- a. Tong sampah hendaklah diletakkan di dalam tapak konkrit bagi memudahkan kerja pungutan dan memastikan tapak lebih bersih. Lawatan Audit ke Jalan Lati, Pasir Mas dan Bandar Baru Pasir Pekan, Tumpat pada 17 Julai 2012 dan 3 September 2012 mendapati tong sampah tidak diletak di tapak yang dikhaskan. Selain itu, didapati longgokan kecil sampah juga bertaburan di sekitar tong sampah dan jalan raya. Tong sampah yang tidak diletak di tapak konkrit yang disediakan adalah seperti di **Gambar 3.8** dan **Gambar 3.9**.

Gambar 3.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lati, Pasir Mas
Tarikh: 17 Julai 2012

Gambar 3.9



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Pasir Pekan, Tumpat
Tarikh: 3 September 2012

- b. Antara sebab tong sampah tidak diletak di tapak dikhaskan ialah roda tong sampah rosak menyukarkan pekerja untuk menarik dan seterusnya menyangkut pada lori kompaktor. Selain itu, kegiatan pencari-pencari barang terpakai pada sebelah malam di tong sampah dan lantai tapak yang rosak dan pecah juga menyebabkan tong sampah berada di luar tapak dikhaskan.
- c. **Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, antara tindakan yang akan dilaksanakan oleh pihak MDPM ialah membaiki dengan segera roda-roda tong sampah yang rosak di lokasi tanpa dibawa ke bengkel; membuat rondaan pada sebelah malam oleh Bahagian Penguatkuasa bagi mengelak pencerobohan dan penyelongkaran oleh pencari-pencari barang terpakai di tong sampah; membaiki dengan segera tapak tong sampah yang rosak; memberi makluman dan amaran kepada kakitangan bertugas agar memastikan tong-tong sampah sentiasa berada di dalam tapak yang dikhaskan serta pemantauan dilakukan oleh Pembantu Kesihatan Awam dan mandur.**
- d. **Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis akan mengeluarkan arahan tegas kepada pekerja untuk meletak kembali tong sampah di tapak yang dikhaskan. Bagaimanapun, ada sebahagian tong sampah yang tidak dapat diletak di tapaknya kerana depan tapak lantai yang tidak sekata dengan jalan raya menyebabkan tong sampah tidak dapat ditolak ke tapak yang dikhaskan.**

Pada pendapat Audit, untuk menjaga persekitaran supaya bersih dan indah kemudahan tempat pembuangan sampah dalam kawasan Majlis boleh dipertingkatkan lagi dengan menyediakan tong sampah yang mencukupi, pemantauan di kawasan pembuangan sampah serta kempen meningkatkan kesedaran menjaga kebersihan kepada penduduk setempat.

3.4.2. Papan Notis Jadual Kutipan Tidak Dipamerkan

3.4.2.1. Mengikut garis panduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) mengenai pungutan sisa pepejal, papan notis serta jadual kutipan sampah hendaklah dipamerkan bagi memaklum dan memudahkan orang awam membuang sampah sebelum waktu pungutan dan juga membolehkan orang awam membuat pertanyaan atau aduan sekiranya sampah tidak dikutip mengikut masa yang ditetapkan. Lawatan Audit di sekitar kawasan Tumpat mendapati MDT tidak mempamerkan papan notis jadual kutipan di semua tapak tong sampah di kawasannya seperti di **Gambar 3.10**.

3.4.2.2. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis akan menyediakan papan notis jadual dengan segera untuk makluman orang ramai dan menambah baik jadual kutipan bagi setiap tong sampah.



**Gambar 3.10
Tiada Papan Notis Jadual Kutipan
Dipamerkan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Wakaf Bharu
Tarikh: 3 September 2012

Pada pendapat Audit, papan notis jadual kutipan perlu dipamerkan bagi membolehkan orang awam mengetahui masa kutipan yang tepat di samping memudahkan orang awam membuat aduan terhadap sebarang masalah berkaitan pembuangan sampah sarap.

3.4.3. Tindakan Penguatkuasaan Tidak Diambil

Seksyen 3(a) Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran 1983 Majlis Daerah Pasir Mas menyatakan seseorang akan melakukan kesalahan sekiranya menempatkan, menyimpan atau membuangkan atau menyebabkan atau membentarkan ditempatkan, disimpan atau dibuangkan mana-mana kekotoran di mana-mana tempat awam. Seksyen 3(2) Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap Majlis Daerah Tumpat 1989 menyatakan semua sampah sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat kuat-kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah. Pihak Audit mendapati peraturan-peraturan ini tidak dipatuhi tetapi tindakan penguatkuasaan tidak diambil. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kompaun berkaitan kesalahan membuang sampah dikeluarkan oleh MDPM pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Manakala MDT pula hanya mengeluarkan sebanyak 2 kompaun dan 3 kompaun

berkaitan kesalahan membuang sampah pada tahun 2011 dan 2012. Tiada kompaun berkaitan kesalahan membuang sampah dikeluarkan oleh MDT pada tahun 2010. Penjelasan lanjut seperti di perenggan berikut:

3.4.3.1. Sampah Dibuang Di Luar Tong

- a. Lawatan Audit ke Jalan Meranti, Pasir Mas dan Wakaf Bharu, Tumpat mendapati sampah dibuang di luar tong walaupun notis amaran kompaun dipamerkan mengikut Seksyen 15 Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran Majlis Daerah Pasir Mas 1983 dan Seksyen 12 Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap Majlis Daerah Tumpat 1989. Akibatnya, kawasan persekitaran menjadi kotor walaupun tong yang disediakan masih kosong. Sampah dibuang di luar tong adalah seperti di **Gambar 3.11** hingga **Gambar 3.14**.

Gambar 3.11
Sampah Dibuang Di Luar Tong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Meranti, Pasir Mas
Tarikh: 24 Julai 2012

Gambar 3.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Meranti, Pasir Mas
Tarikh: 24 Julai 2012

Gambar 3.13
Sampah Dibuang Di Luar Tong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wakaf Bharu, Tumpat
Tarikh: 7 November 2012

Gambar 3.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman SBJ Putra, Tumpat
Tarikh: 21 November 2012

- b. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, tindakan kompaun akan dikenakan terhadap orang awam yang menyebabkan kekotoran mulai Januari 2013. Perkara ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan Majlis dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis. Pada bulan Disember 2012, sebanyak 8 keping sepanduk telah dipasang di sekitar Bandar Pasir Mas dan Rantau Panjang sebagai makluman dan peringatan kepada masyarakat. Di samping itu, pihak Majlis juga akan menambah kakitangan di Bahagian Penguatkuasa pada tahun 2013. Unit Bermotosikal Roda Tiga juga akan memainkan peranan untuk membersihkan sampah yang dibuang di luar tong.
- c. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis menetapkan Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk Bahagian Penguatkuasa bagi kesalahan membuang sampah merata-rata adalah 5 kes sehari bermula tahun 2013. Pada tahun 2012, daripada 3 kompaun yang dikeluarkan, sebanyak 2 kompaun telah diselesaikan. Selain itu, notis supaya membuang sampah ke dalam tong sampah dan kesalahan mengikut Undang-undang Kecil Majlis juga telah dipamerkan seperti di Gambar 3.15. Kempen kesedaran menguruskan sampah sarap adalah tugas dan tanggungjawab bersama juga akan dilaksanakan. Di samping itu, Majlis juga menguruskan pungutan sampah sarap kebun, perniagaan dan binaan dengan lori *tipper* dan jentera *Backhoe Loader*. Kerja pembersihan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah seperti di Gambar 3.16.

**Gambar 3.15
Notis Dipamerkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pasir Pekan, Tumpat
Tarikh: 9 Januari 2013

**Gambar 3.16
Kerja Pembersihan Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman SBJ Putra, Tumpat
Tarikh: 9 Januari 2013

3.4.3.2. Pembuangan Sampah Di Tempat Tidak Dikhaskan

- a. Mengikut peraturan, adalah menjadi kesalahan sekiranya sampah dibuang di tempat yang tidak dikhaskan Majlis dan tindakan ini boleh dikenakan kompaun. Lawatan Audit ke Bandar Baru Pasir Mas dan laluan keluar masuk ke tapak pelupusan sampah MDT pada 25 Julai 2012 dan 3 September 2012 mendapati sampah dibuang

di tempat yang tidak dibenarkan. Kedua-dua tempat dicemari dengan longgokan sampah walaupun papan tanda larangan membuang sampah telah dipamerkan. Akibatnya, kawasan tersebut penuh dengan longgokan sampah dan mengotorkan kawasan sekitar. Longgokan sampah yang tidak dikutip adalah seperti di **Gambar 3.17** hingga **Gambar 3.19** dan **Gambar 3.21**. Bagaimanapun, MDT telah mengambil tindakan membersihkan laluan ke tapak pelupusan MDT selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.20**.

Gambar 3.17

Bandar Baru Pasir Mas Dicemari Dengan Longgokan Sampah



25.07.2012 10:11

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Bandar Baru Pasir Mas

Tarikh: 25 Julai 2012

Gambar 3.18



25.07.2012 10:20

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Bandar Baru Pasir Mas

Tarikh: 25 Julai 2012

Gambar 3.19

Laluan Ke Tapak Pelupusan MDT Sebelum Dan Selepas Kerja Pembersihan



03/09/2012 11:34

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Laluan ke Tapak Pelupusan MDT

Tarikh: 3 September 2012

Selepas



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Laluan ke Tapak Pelupusan MDT

Tarikh: 9 Januari 2013



**Gambar 3.21
Laluan Ke Tapak Pelupusan MDT**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan ke Tapak Pelupusan MDT
Tarikh: 3 September 2012

- b. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, pihak Majlis akan memasang papan tanda larangan membuang sampah di kawasan berkenaan. Selain itu, Bahagian Kebersihan juga akan membuat pemantauan dan Bahagian Penguatkuasa akan mengenakan kompaun. Di samping itu, Majlis juga akan membuat pungutan sekiranya terdapat aduan dan menyediakan tapak dan tong sampah bergantung kepada kawasan operasi.

Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan pembuangan sisa pepejal di tempat awam dengan membuat rondaan di kawasan berkenaan dan menambah bilangan papan tanda amaran bagi menyedarkan orang awam berkenaan hukuman kesalahan membuang sampah.

3.4.4. Kerja Pembersihan Oleh Pemajak Kurang Memuaskan

3.4.4.1. Mengikut para 4(a), (c) dan (d) dalam Perjanjian mengendalikan kerja-kerja mencuci, membersih, menyenggara bangunan dan membersih kawasan MDT, pemajak hendaklah membersih longkang dan parit dengan sempurna, membersih sampah sarap, pasir, debu dan lain-lain kekotoran di atas jalan, jalan siar kaki, kaki lima dan lain-lain tempat awam serta memesin dan membuang rumput rampai, semak samun yang tumbuh liar di tepi jalan, jalan siar kaki, longkang, di celah antara dua pagar keliling dan lain-lain tempat awam.

3.4.4.2. Para 4(j) dalam Perjanjian mengendalikan kerja-kerja mencuci, membersih, menyenggara bangunan dan membersih kawasan menyatakan jika kerja-kerja yang dijalankan tidak memuaskan, Majlis berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa sahaja dan keputusan menarik balik tawaran ini adalah hak mutlak Majlis serta tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Manakala Para 5(a) pula menyatakan jika kerja-kerja tidak dijalankan dengan sempurna, Majlis berhak memotong atau menahan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran Majlis.

3.4.4.3. Lawatan Audit di 3 pasar, satu kawasan pantai dan satu kawasan pusat membeli-belah bebas cukai mendapati kerja kebersihan yang dilaksanakan oleh pemajak di Pasar Wakaf Bharu dengan nilai pajakan RM5,100 sebulan adalah tidak mematuhi

syarat-syarat dalam perjanjian. Lawatan Audit ke Pasar Besar Wakaf Bharu pada 3 September 2012 mendapati rumput di sekitar pasar besar tidak dipotong seperti di **Gambar 3.22** dan **Gambar 3.24**. Hasil temu bual dengan pegawai Majlis mendapati hanya 2 orang pekerja yang diupah oleh pemajak untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Pasar Wakaf Bharu. Bagaimanapun, pemajak telah mengambil tindakan untuk membersihkan kawasan sekitar pasar selepas teguran Audit seperti di **Gambar 3.23** dan **Gambar 3.25**.

Gambar 3.22
Pasar Besar Wakaf Bharu Sebelum Dan Selepas Kerja Pembersihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Wakaf Bharu
Tarikh: 3 September 2012

Gambar 3.23
Pasar Besar Wakaf Bharu Sebelum Dan Selepas Kerja Pembersihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Wakaf Bharu
Tarikh: 9 Januari 2013

Gambar 3.24
Pasar Besar Wakaf Bharu Sebelum Dan Selepas Kerja Pembersihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Wakaf Bharu
Tarikh: 3 September 2012

Gambar 3.25
Pasar Besar Wakaf Bharu Sebelum Dan Selepas Kerja Pembersihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Wakaf Bharu
Tarikh: 9 Januari 2013

3.4.4.4. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis telah mengeluarkan tender kepada syarikat baru pada tahun 2013. Pemantauan terhadap kerja pembersihan akan dijalankan dengan lebih teliti sebagaimana dalam kontrak dan prestasi kontraktor akan dipantau sebelum bayaran dibuat.

Pada pendapat Audit, pihak Majlis hendaklah memastikan pasar dalam keadaan bersih sepenuhnya sebelum bayaran bulanan dibuat.

3.4.5. Pengurusan Tapak Pelupusan Kurang Memuaskan

MDPM mempunyai tapak pelupusan sisa pepejal seluas 11 ekar yang terletak di Kampung Pusu 40, manakala MDT mempunyai tapak pelupusan sisa pepejal seluas 50 ekar yang terletak di Kampung Kok Bedolah. Kaedah pelupusan yang diamalkan oleh kedua-dua Majlis ialah secara pelupusan terbuka. Jangka hayat tapak pelupusan bagi MDPM adalah sehingga tahun 2015 manakala bagi MDT pula adalah sehingga tahun 2050. Jarak perjalanan dari bandar Pasir Mas ke tapak pelupusan di Kampung Pusu 40 ialah sejauh 10 km manakala jarak perjalanan dari bandar Tumpat ke Kampung Kok Bedolah ialah sejauh 5.5 km. Manakala jarak penempatan penduduk dengan kedua-dua tapak pelupusan adalah dalam lingkungan 1 km. Antara kelemahan yang ditemui di kedua-dua tapak pelupusan ialah tapak pelupusan tidak dipagar; sampah tidak ditimbus; kemudahan *Washing Bay* tidak disediakan; jalan keluar masuk ke tapak pelupusan tidak disenggara dan sampah dibakar tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

3.4.5.1. Tapak Pelupusan Tidak Dipagar

- a.** Pagar hendaklah dibina di sekeliling tapak pelupusan bagi mengelak pencerobohan dalam kawasan tapak pelupusan. Lawatan Audit pada 25 Julai 2012 dan 3 September 2012 ke tapak pelupusan Kampung Pusu 40 dan Kampung Kok Bedolah mendapati keadaan tapak pelupusan kotor dan dicemari gas yang boleh menjaskankan kesihatan. Di samping itu, aktiviti *scavenging* juga dilakukan oleh orang awam di kedua-dua tapak pelupusan. Aktiviti ini dijalankan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis. Lawatan Audit juga mendapati kawasan sekeliling tapak pelupusan tidak berpagar telah memudahkan penceroboh dan pengutip sampah memasuki kawasan tapak pelupusan.
- b.** Pemerhatian Audit juga mendapati, setiap kali ketibaan lori kompaktor di tapak pelupusan, ianya akan disusuli oleh pengutip sampah bagi mendapatkan sampah yang boleh dikitar semula tanpa menghiraukan keselamatan diri mereka. Antara sebab pagar baru tidak dibina ialah disebabkan kos yang tinggi iaitu sejumlah RM400,000 bagi MDPM dan RM500,000 bagi MDT. Kawasan pelupusan tidak berpagar adalah seperti di **Gambar 3.26** dan **Gambar 3.27**.

Gambar 3.26



Tapak Pelupusan Tidak Dipagar

Gambar 3.27



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDPM
Tarikh: 25 Julai 2012

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDT
Tarikh: 3 September 2012

- c. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan pagar sedia ada di sekeliling tapak yang dibina pada tahun 1990-an telah rosak dan tumbang. Anggaran kos bagi pembinaan pagar baru akan disediakan bagi tujuan permohonan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- d. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan pagar tidak perlu dibina kerana kawasan pelupusan sampah dikelilingi alur atau tali air. Majlis hanya akan membina pagar hadapan di laluan jalan keluar masuk ke tapak pelupusan. Kos membina pagar untuk 50 ekar tapak pelupusan dianggarkan sejumlah RM500,000. Permohonan peruntukan telah dibuat dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2011 tetapi belum diluluskan. Selain itu, Majlis juga akan mendaftar aktiviti *scavenging* bagi mengawal kegiatan penceroboh.

3.4.5.2. Sampah Tidak Ditimbus

- a. Piagam pelanggan pengurusan tapak pelupusan sampah MDPM menetapkan tempat pelupusan sampah hendaklah ditimbus dengan tanah 2 hari sekali. Manakala piagam pelanggan MDT menetapkan sampah perlu dilupus dalam lubang yang digali dan diratakan oleh jentolak setiap hari. Tempat pelupusan sampah hendaklah ditimbus tanah setelah lubang telah penuh. Lawatan Audit pada 25 Julai 2012 dan 3 September 2012 ke tapak pelupusan MDPM dan MDT mendapati sampah berlonggokan dan sebahagian daripada sampah terbakar seperti di **Gambar 3.28** dan **Gambar 3.29**. Antara sebab sampah tidak ditimbus ialah Majlis memerlukan kos yang tinggi untuk membeli tanah. Anggaran kos untuk membeli tanah bagi menimbus sampah di MDPM ialah sejumlah RM1,050 sehari dan RM1,200 sehari di MDT. Kesannya, sampah yang berlonggok berbau busuk dan air kotor mengalir ke parit atau sungai berdekatan.

Gambar 3.28

Sampah Berlonggokan Dan Tidak Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDPM
Tarikh: 25 Julai 2012

Gambar 3.29



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDT
Tarikh: 3 September 2012

- b. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan penimbusan tanah dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan ataupun 4 kali setahun. Ini disebabkan Majlis menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tanah atau pasir yang memerlukan kos yang tinggi. Bagi tahun 2013, pihak Majlis bercadang untuk mengadakan stock pile tanah atau pasir di tapak pelupusan bagi menjalankan kerja-kerja penimbusan sekurang-kurangnya seminggu sekali.
- c. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan sampah tidak ditimbus kerana memerlukan kos yang tinggi. Bahan timbusan yang diperlukan adalah sebanyak 11 lori setiap hari bagi menutup sampah yang mempunyai keluasan 1,000 kaki persegi dengan ketebalan 2 kaki dan melibatkan kos RM150 satu lori. Majlis telah membaiki jalan masuk yang rosak untuk mengurangkan bau busuk dan menghalang aliran air ke parit berdekatan.

3.4.5.3. Kemudahan *Washing Bay* Tidak Disediakan

- a. Kemudahan *washing bay* hendaklah disediakan bagi membersihkan roda jentera dan lori kompaktor sebelum dibenarkan bergerak di atas jalan raya. Lawatan Audit pada 25 Julai 2012 dan 3 September 2012 ke tapak pelupusan MDPM dan MDT mendapati kemudahan *washing bay* di tapak pelupusan tidak disediakan. Akibatnya, tayar lori kompaktor dan jentera yang tidak dibersihkan telah menyebabkan jalan awam dicemari dengan kotoran.
- b. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, Majlis akan menyediakan anggaran kos bagi penyediaan *washing bay* dan seterusnya memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Selain itu, Majlis juga akan mendapatkan sumbangan dari Majlis Daerah Ketereh (MDK) kerana tapak pelupusan ini juga digunakan oleh pihak MDK.

- c. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan *washing bay* tidak disediakan kerana Majlis telah menyediakan pam untuk kerja-kerja pembersihan di setiap lori seperti di Gambar 3.30. Bagaimanapun, Majlis telah mengenal pasti tapak yang sesuai untuk dijadikan *washing bay*.



Gambar 3.30
Pam Air Dipasang Di Lori Kompaktor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MDT
Tarikh: 9 Januari 2013

3.4.5.4. Jalan Keluar Masuk Ke Tapak Pelupusan Tidak Disenggara

- a. Jalan keluar dan masuk dari tapak pelupusan hingga ke persimpangan jalan raya awam hendaklah disenggara bagi memudahkan jentera dan lori kompaktor yang sentiasa berulang-alik ke tapak pelupusan. Jalan ini juga hendaklah dijaga supaya dalam keadaan bersih sepanjang masa. Lawatan Audit ke tapak pelupusan MDT dan MDPM mendapati jalan keluar dan masuk ke tapak pelupusan tidak berturap, tidak rata dan berlubang seperti di **Gambar 3.31** dan **Gambar 3.33**. Bagaimanapun, lawatan susulan Audit ke jalan keluar masuk tapak pelupusan MDT pada 21 November 2012 mendapati jalan keluar masuk ke tapak pelupusan MDT telah disenggara seperti di **Gambar 3.32**.

Gambar 3.31
Jalan Keluar Masuk Sebelum Dan Selepas Penyenggaraan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDT
Tarikh: 3 September 2012

Gambar 3.32
Jalan Keluar Masuk Selepas Penyenggaraan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDT
Tarikh: 21 November 2012



**Gambar 3.33
Jalan Keluar Masuk Ke Tapak Pelupusan
MDPM Tidak Berturap, Tidak Rata Dan
Berlubang**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Pelupusan MDPM

Tarikh: 6 November 2012

- b. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan jalan keluar masuk ke tapak pelupusan sepanjang lebih kurang 250 meter telah diturap beberapa kali tetapi kerap rosak kerana ia terletak di kawasan rendah dan sentiasa ditenggelami air selain dilalui oleh jentera berat. Bagaimanapun, Majlis akan menurap jalan ini pada tahun 2013 dan anggaran kos sedang dibuat bagi mendapatkan peruntukan.
- c. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, sebahagian besar jalan keluar masuk telah dinaik taraf dan sebahagian lagi dalam proses pelaksanaan.

3.4.5.5. Sampah Dibakar Tanpa Kelulusan JAS

- a. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Seksyen 29A(1) menyatakan tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis termasuklah mana-mana tanah. Piagam Pelanggan MDPM bagi kawalan tempat pelupusan sampah menetapkan tempat pelupusan sampah tidak terbakar dan memastikan tidak menjadi tempat pembiakan lalat dan mencemarkan alam sekitar.
- b. Lawatan Audit pada 25 Julai 2012 ke tapak pelupusan MDPM mendapat sampah dibakar tanpa mendapat kelulusan JAS seperti di **Gambar 3.34**. Semakan Audit selanjutnya mendapat JAS telah mengeluarkan satu surat peringatan pada tahun 2010, satu pada tahun 2011 dan 3 pada tahun 2012 kepada pihak MDPM mengenai pembakaran terbuka di tapak pelupusan MDPM yang terletak di Kampung Pusu 40. Struktur tanah gambut adalah salah satu punca menyebabkan sampah yang dibakar sukar dipadamkan dengan sepenuhnya. Selain itu, tiada kawalan dan pemantauan yang rapi oleh pihak Majlis juga telah menyebabkan sampah dibakar secara terbuka dan menyebabkan berlakunya pencemaran udara.



**Gambar 3.34
Sampah Dibakar Secara Terbuka**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tapak Pelupusan MDPM

Tarikh: 25 Julai 2012

- c. Mengikut maklum balas daripada MDPM bertarikh 8 Januari 2013, Majlis memaklumkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah membuat lawatan ke tapak pelupusan pada 26 Disember 2012 dan Majlis juga sedang menyediakan kertas permohonan khusus untuk tapak pelupusan termasuk jentera berat *Bulldozer* untuk dipertimbangkan oleh pihak PPSPPA.

Pada pendapat Audit, tapak pelupusan hendaklah dipagar; sampah ditimbulus mengikut peraturan Majlis; kemudahan *washing bay* disediakan; jalan keluar masuk ke tapak pelupusan perlu disenggara dengan baik dan tindakan segera diambil terhadap amaran pembakaran terbuka yang telah dikeluarkan oleh JAS.

3.4.6. Kepuasan Pelanggan

3.4.6.1. Bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh MDPM dan MDT, pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 100 soal selidik kepada orang awam di sekitar kawasan MDPM dan MDT. Jabatan Audit Negara telah menerima semula sebanyak 50 soal selidik bagi MDPM dan 50 soal selidik bagi MDT. Analisis Audit terhadap borang soal selidik yang diterima adalah seperti di Jadual 3.5.

Jadual 3.5
Maklum Balas Borang Soal Selidik Tahap Kepuasan Orang Awam
Terhadap Pengurusan Sisa Pepejal

Bil.	Perkara	MDPM			MDT		
		Ya (Bil.)	Tidak (Bil.)	Jumlah (Bil.)	Ya (Bil.)	Tidak (Bil.)	Jumlah (Bil.)
1.	Tong sampah mencukupi.	22 (44%)	28 (56%)	50	43 (86%)	7 (14%)	50
	(a) Saiz tong sampah.	13 (26%)	37 (74%)	50	41 (82%)	9 (18%)	50
2.	Sampah dikutip setiap hari.	36 (72%)	14 (28%)	50	44 (88%)	6 (12%)	50
3.	Sampah di luar tong sampah dikutip.	34 (68%)	16 (32%)	50	48 (96%)	2 (4%)	50
4.	Air busuk (<i>leachate</i>) tumpah dari lori sampah semasa kutipan.	45 (90%)	5 (10%)	50	27 (54%)	23 (46%)	50
5.	Penduduk berpuas hati dengan perkhidmatan kutipan sampah.	18 (36%)	32 (64%)	50	43 (86%)	7 (14%)	50

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.6.2. Analisis Audit mendapati sebanyak 56% dan 74% responden di sekitar MDPM tidak berpuas hati dengan saiz dan bilangan tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis. Selain itu, sebanyak 90% responden menyatakan air busuk (*leachate*) tumpah dari lori sampah semasa kutipan. Keseluruhannya sebanyak 64% penduduk tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kutipan sampah yang disediakan oleh pihak MDPM. Manakala di sekitar MDT pula sebanyak 54% responden tidak berpuas hati dengan air busuk (*leachate*) tumpah dari lori sampah semasa kutipan.

3.4.6.3. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan, terdapat beberapa aduan awam lain yang diterima seperti longgokan kecil sampah tidak dikutip; sampah tidak dikutip pada hujung minggu; tong sampah tiada penutup; sampah tidak dikutip setiap hari; dan air busuk yang tumpah dari lori sampah menyebabkan orang awam kurang selesa. Antara cadangan penambahbaikan oleh orang awam terhadap pengurusan sisa pepejal ialah Majlis hendaklah membekalkan tong sampah yang lebih besar; menambah bilangan tong sampah; tong sampah perlu ada penutup; menggantikan tong sampah lama dengan tong sampah baru; sampah perlu dikutip setiap hari walaupun tong sampah tidak penuh; tong sampah perlu diletak di luar kedai untuk kemudahan penjual dan air busuk sampah perlu dibersihkan.

3.4.6.4. **Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 8 Januari 2013, Majlis telah mengambil inisiatif membasuh tapak tong sampah (*leachate*) pada setiap hari Khamis dengan menggunakan bahan kimia jenis *biochemical* berharga RM2,800 per tan untuk mengawal bau dan pembiakan ulat. Kerja pembersihan yang dilakukan adalah seperti di Gambar 3.35 dan Gambar 3.36. Majlis juga memaklumkan berlaku kerosakan tangki air *leachate* pada lori kompaktor dan ini memerlukan tempoh yang lama untuk dibaiki. Majlis juga tidak mempunyai lori tambahan sebagai gantian dan lori kompaktor sedia ada hanya untuk operasi harian.**

Gambar 3.35

Kerja Pembersihan Sedang Dilakukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tumpat
Tarikh: 9 Januari 2013

Gambar 3.36



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tumpat
Tarikh: 9 Januari 2013

Pada pendapat Audit, majoriti responden tidak berpuas hati dengan saiz dan bilangan tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis selain air busuk (*leachate*) yang tumpah dari lori sampah semasa kutipan.

3.5. SYOR AUDIT

Berdasarkan beberapa kelemahan yang dikenal pasti, adalah disyorkan Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT) mengambil langkah untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal dalam kawasan pentadbiran Majlis seperti berikut:

- 3.5.1.** Menambah bilangan tong sampah di kawasan penduduk padat untuk menampung kuantiti sampah yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.
- 3.5.2.** Mengadakan program kesedaran kepada orang awam dan mempertingkatkan penguatkuasaan mengenai undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pembersihan dan pelupusan sampah.
- 3.5.3.** Mempertingkatkan kawal selia terhadap kontraktor supaya kerja pembersihan yang dijalankan adalah selaras dengan syarat-syarat perjanjian.
- 3.5.4.** Kawalan dan penyenggaraan tapak pelupusan Majlis hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Majlis dan JAS.

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

4. KELSTONE SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kelstone Sdn. Bhd. (KSB) ditubuhkan pada 14 Februari 1996. KSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan KSB adalah berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.60 juta.

4.1.2. Aktiviti utama KSB adalah pelaburan di dalam sektor perlombongan dan industri kuari. Objektif utama syarikat adalah membangunkan pelbagai portfolio aset kepada perniagaan yang lebih menguntungkan menjelang tahun 2012 dengan keutamaan kepada perlombongan emas dan lain-lain deposit mineral berharga, industri kuari dan pemprosesan batuan dimensi marmar.

4.1.3. KSB mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah di mana 7 ahli (termasuk Pengerusi) adalah wakil Kerajaan. Pengurusan KSB diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 5 kakitangan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat KSB meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Perbincangan, temu bual dan lawatan Audit ke tapak projek bersama pegawai yang berkenaan telah diadakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan KSB adalah kurang memuaskan walaupun kedudukan kerugian terkumpul makin berkurangan. KSB mengalami kerugian terkumpul berjumlah

RM1.54 juta pada tahun 2011 iaitu menurun sejumlah RM0.77 juta dari tahun 2010. Keuntungan sebelum cukai KSB pada tahun 2010 menurun berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai mencatatkan peningkatan pada tahun 2011. Analisis nisbah kewangan juga menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Operasi perlombongan emas di Sokor belum dimulakan dan penilaian tidak dilakukan terhadap kemampuan syarikat pengusaha.
- Syarikat usaha sama mengalami kerugian dan kelewatan pengusaha memulakan kerja perlombongan *barite*.
- Bahagian Audit Dalam Dan Naziran PKINK belum melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan KSB.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend


- a. Keuntungan sebelum cukai KSB menurun sejumlah RM0.34 juta atau 45.9% daripada RM0.74 juta pada tahun 2009 kepada RM0.40 juta pada tahun 2010. KSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.80 juta pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumlah RM0.40 juta atau 99.2% berbanding tahun 2010.
- b. Kerugian terkumpul KSB menurun sejumlah RM0.40 juta atau 14.8% daripada RM2.71 juta pada tahun 2009 kepada RM2.31 juta pada tahun 2010. Kerugian terkumpul yang dialami terus menurun sejumlah RM0.77 juta atau 33.3% kepada RM1.54 juta pada tahun 2011. Peningkatan hasil *tribute* yang diterima daripada pengusaha projek perlombongan emas *alluvial* dan feldspar telah menyumbang kepada penurunan kerugian terkumpul.
- c. Pendapatan utama KSB terdiri daripada hasil *tribute* yang diterima daripada pengusaha projek perlombongan emas *alluvial* dan feldspar. Jumlah pendapatan KSB menurun sejumlah RM0.55 juta atau 47.8% daripada RM1.15 juta pada tahun 2009 kepada RM0.60 juta pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran pajakan berjumlah RM0.90 juta yang diterima daripada pengusaha perlombongan dalam tahun 2009 telah ditamatkan. Bagaimanapun, jumlah pendapatan KSB meningkat sejumlah RM0.66 juta atau 110.0% kepada RM1.26 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Operasi perlombongan emas *alluvial* yang mula dijalankan telah menyumbang kepada peningkatan hasil *tribute*.

- d. Jumlah perbelanjaan KSB menurun sejumlah RM0.21 juta atau 50.9% daripada RM0.41 juta pada tahun 2009 kepada RM0.20 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan KSB meningkat sejumlah RM0.26 juta atau 131.0% kepada RM0.46 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan kos operasi iaitu hasil *tribute* yang perlu dibayar kepada PKINK berikutan operasi perlombongan emas *alluvial* yang mula dijalankan.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, untung rugi, keuntungan sebelum cukai dan kerugian terkumpul KSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1, Carta 4.1 dan Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi KSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan	1,146,413	354,079	1,108,830
Kos Operasi	217,141	15,663	190,824
Untung Kasar	929,272	338,416	918,006
Pendapatan Operasi Lain	-	245,709	150,000
Perbelanjaan Pentadbiran	191,298	185,091	272,954
Untung Sebelum Cukai	737,974	399,034	795,052
Cukai	-	-	30,000
Untung Bersih	737,974	399,034	765,052
Kerugian Terkumpul	-2,705,230	-2,306,196	-1,541,144

Sumber: Penyata Kewangan KSB



Sumber: Penyata Kewangan KSB



Sumber: Penyata Kewangan KSB

4.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin keuntungan, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009	2010	2011
a.	Nisbah Semasa	0.14:1	0.21:1	0.32:1
b.	Margin Untung Bersih	64%	113%	69%
c.	Pulangan Atas Aset	0.83:1	0.39:1	0.50:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti *	1.23:1	0.67:1	1.28:1

Sumber: Penyata Kewangan KSB

Nota: * - Modal saham sahaja bagi bahagian jumlah ekuiti diambil kira disebabkan kerugian terkumpul yang dialami

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Mengikut pengiraan Audit, tahap kecairan KSB pada tahun 2009 adalah 0.14 kali dan telah meningkat kepada 0.21 kali pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pengurangan amaun terhutang kepada syarikat berkaitan sejumlah RM245,709. Nisbah ini terus meningkat kepada 0.32 kali pada tahun 2011. Pengurangan amaun terhutang kepada perbadanan induk iaitu PKINK sejumlah RM380,690 telah menyumbang kepada peningkatan nisbah ini. Nisbah semasa KSB yang kurang daripada satu pada tahun 2009, 2010 dan 2011 menunjukkan syarikat tidak berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut pengiraan Audit, KSB mencatatkan keuntungan 64 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada keuntungan RM1.13 pada tahun 2010. Margin untung kasar yang tinggi serta kawalan perbelanjaan telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan bersih. Bagaimanapun, keuntungan yang dicatatkan KSB mengalami penurunan kepada 69 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2011. Penurunan

keuntungan yang dicatatkan adalah disebabkan oleh margin untung kasar yang rendah.

c. Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Mengikut pengiraan Audit, KSB mencatatkan pulangan atas aset iaitu 83 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2009. Nisbah ini menurun kepada 39 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2010. Bagaimanapun, pulangan atas aset mencatatkan peningkatan kepada 50 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2011. Keuntungan bersih yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010 telah menyumbang kepada peningkatan pulangan atas aset. Pulangan positif atas aset menunjukkan kecekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset. Bagaimanapun, usaha harus diambil bagi mempertingkatkan keuntungan dengan mengawal kos perbelanjaan supaya nisbah ini dapat ditingkatkan.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Pengiraan Audit hanya mengambil kira modal saham sahaja bagi bahagian jumlah ekuiti disebabkan kerugian terkumpul yang dialami oleh KSB. Mengikut pengiraan Audit, KSB mencatatkan pulangan atas ekuiti iaitu RM1.23 bagi setiap ringgit ekuiti pada tahun 2009. Nisbah ini menurun kepada 67 sen pada tahun 2010. Bagaimanapun, pulangan atas ekuiti mencatatkan peningkatan kepada RM1.28 pada tahun 2011. Keuntungan bersih yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010 telah menyumbang kepada peningkatan pulangan atas ekuiti. Pulangan positif atas ekuiti menunjukkan KSB masih berupaya memberi pulangan kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan semasa KSB adalah memuaskan kerana keuntungan bersih menunjukkan peningkatan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010. Nisbah kewangan turut menunjukkan peningkatan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Bagaimanapun, keuntungan semasa tersebut tidak memberi kesan ketara kepada kedudukan kerugian terkumpul syarikat yang mencecah RM1.54 juta pada tahun 2011.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

4.4.2.1. Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Aktiviti utama KSB adalah pelaburan di dalam sektor perlombongan dan industri kuari iaitu emas, feldspar, *barite* dan marmar. Butiran lanjut mengenai projek perlombongan dan industri kuari yang dijalankan oleh syarikat pengusaha perlombongan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Pelaksanaan Projek Perlombongan

Bil.	Lokasi Projek	Keluasan (Hektar)	No. Pajakan/ Lesen	Status Projek
Projek Emas				
1.	Lot 1788, Daerah Sokor, Tanah Merah	408	ML 2/2005	Dalam proses penyediaan laporan oleh konsultan untuk menjalankan projek perlombongan emas secara <i>hard rock</i> .
2.	Lot 1149, Daerah Galas, Gua Musang	122	ML 5/2007	Cadangan perlombongan emas dengan menggunakan kapal korek di dalam Sungai Galas.
3.	Lot 3350, Daerah Galas, Gua Musang	126	ML 2/2010	Cadangan perlombongan emas dengan menggunakan kapal korek di dalam Sungai Galas.
4.	Daerah Galas, Gua Musang	3,700	EL 1/2010	Sedang menjalankan kerja penjelajahan lapangan bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk memulakan projek perlombongan emas secara <i>hard rock</i> .
5.	Lot 11028, Daerah Galas, Gua Musang	63	ML 4/2010	Telah memulakan operasi perlombongan emas <i>alluvial</i> sejak April 2011.
6.	Lot 11029, Daerah Galas, Gua Musang	195	ML 5/2010	Telah memulakan operasi perlombongan emas <i>alluvial</i> sejak September 2011.
7.	Lot 110, Daerah Galas, Gua Musang	189	ML 1/2011	Memulakan operasi perlombongan emas <i>alluvial</i> pada Jun 2012.
8.	Daerah Sokor, Tanah Merah	325	PL 41/2010	Kerja mencari gali di lapangan.
Projek Feldspar				
9.	Lot 1025, Daerah Galas, Gua Musang	15	ML 7/2005	Telah beroperasi mulai September 2007.
Projek Barite				
10.	Lot 3474 Dan 3475, Daerah Chiku, Gua Musang	35 2	ML 1/2007 ML 2/2007	Kerja pembangunan semula tapak projek telah dijalankan oleh pihak pengurusan baru Kijang Baraite Sdn. Bhd.
11.	Daerah Chiku, Gua Musang	100	PL 10/2007	Proses pengukuran kawasan sempadan.
Projek Marmor				
12.	Lot 1781, Daerah Bertam, Gua Musang	26	Lesen Kebenaran Kuari	Kerja pembangunan tapak sedang dijalankan.

Sumber: KSB

Nota: ML – Pajakan Melombong

EL – Lesen Penjelajahan (Keluasan minima adalah lebih 400 hektar – 20,000 hektar)

PL – Lesen Mencari Gali (Keluasan minima adalah 25 hektar – 400 hektar)

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap 2 jenis projek perlombongan iaitu emas *alluvial* yang diusahakan oleh Sumber Indah Prima Sdn. Bhd. (ML 2/2005) dan Pulai Mining Sdn. Bhd. (ML 4/2010 dan ML 5/2010) serta perlombongan *barite* yang diusahakan oleh Kijang Baraite Sdn. Bhd. (ML 1/2007 dan ML 2/2007) mendapat perkara seperti berikut:

a. Projek Perlombongan Emas *Alluvial*

Pada Februari 2005, Kerajaan Negeri telah meluluskan Pajakan Melombong (ML 2/2005) kepada PKINK bagi perlombongan emas di Sokor, Tanah Merah dengan keluasan 408 hektar. Pajakan Melombong yang diluluskan adalah bagi tempoh 10 tahun (2005 - 2015). Selain itu, pada November 2010, Kerajaan Negeri telah meluluskan Pajakan Melombong (ML 4/2010) kepada PKINK bagi perlombongan emas di Sungai Galas, Gua Musang dengan keluasan 63 hektar. Pajakan Melombong yang diluluskan adalah bagi tempoh 4 tahun (2010 - 2014). Sementara itu, pada Disember 2010, Kerajaan Negeri telah meluluskan Pajakan Melombong (ML 5/2010) kepada PKINK bagi perlombongan emas di Sungai Galas, Gua Musang dengan keluasan 195 hektar. Pajakan Melombong yang diluluskan adalah bagi tempoh 5 tahun (2010 - 2015). Projek perlombongan berkenaan seterusnya diserahkan oleh PKINK kepada syarikat subsidiarinya, KSB untuk diusahakan. Penjelasan lanjut mengenai 2 projek tersebut adalah seperti berikut:

i. Perlombongan Emas *Alluvial* Di Sokor, Jajahan Tanah Merah (ML 2/2005)

KSB telah menyerahkan hak kawasan perlombongan emas *alluvial* kepada Sumber Indah Prima Sdn. Bhd. (SIPSB) untuk diusahakan melalui Perjanjian Penyerahan Hak Perlombongan yang ditandatangani pada 11 Ogos 2008. Mengikut perjanjian tersebut, SIPSB perlu membayar *tribute* kepada KSB pada kadar 17.5% daripada perolehan kasar nilai jualan emas. Selain itu, SIPSB perlu membayar royalti pada kadar 5% kepada Kerajaan Negeri atau pada kadar semasa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). SIPSB juga perlu memulakan kerja perlombongan secara komersial dalam masa 6 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani. Semakan Audit terhadap projek ini mendapat perkara seperti berikut:

• Operasi Perlombongan Emas Belum Dimulakan

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah KSB bertarikh 11 Mac 2010 mendapat operasi perlombongan emas di kawasan ini belum dimulakan oleh SIPSB dan tiada bayaran *tribute* diterima daripada SIPSB. Peguam KSB telah mengeluarkan notis tunjuk sebab pada November 2009 kepada SIPSB memandangkan kegagalan SIPSB untuk mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian. Hal ini disebabkan SIPSB mendapat kawasan perlombongan tersebut tidak berekonomi dan tidak dapat

menampung kos operasi pengeluaran emas. Pengusaha sebelum ini telah menjalankan perlombongan emas secara *alluvial* di kawasan ini pada tahun 2007 dan hampir keseluruhan kawasan telah dilombongkan. Oleh itu, SIPSB telah menyediakan laporan bagi menukar rancangan perlombongan emas secara *alluvial* kepada perlombongan emas secara *hard rock* dan seterusnya SIPSB memulakan usaha mencari emas dalam batu (*hard rock*) dengan menjalankan kerja kutipan sampel tanah dan sampel rapat serta kerja *trenching*. Bagaimanapun, SIPSB hanya membuat permohonan kepada KSB pada Mac 2012 bagi menukar syarat perjanjian emas *alluvial* kepada emas dalam batu. Proses operasi perlombongan emas mengambil masa yang lama memandangkan laporan pemantauan terhadap status perkembangan projek perlombongan emas di kawasan tersebut serta laporan lawatan ke tapak tidak disediakan oleh KSB. Status perkembangan projek hanya dibincangkan dalam mesyuarat yang diadakan antara KSB dengan SIPSB pada Mac 2010. Selain itu, pihak Audit mendapati KSB hanya mula melantik Penyelia Lombong secara kontrak pada Mei 2012. KSB mendapati kemajuan kerja eksplorasi di tapak tidak memuaskan memandangkan SIPSB masih belum menyiapkan kerja kajian. Kegagalan pengusaha memulakan kerja perlombongan emas seperti yang ditetapkan dalam perjanjian telah mengakibatkan KSB tidak mendapat bayaran *tribute* pada kadar 17.5% daripada perolehan kasar nilai jualan emas. Sementara itu, PBN juga tidak mendapat bayaran royalti pada kadar 5% daripada SIPSB. **Mengikut maklum balas daripada KSB bertarikh 6 November 2012, pengurusan KSB telah mengambil tindakan menamatkan penyerahan hak kerja perlombongan emas SIPSB dan merampus deposit RM50,000 pada 23 Oktober 2012.**

- **Penilaian Tidak Dilakukan Terhadap Kemampuan Syarikat Pengusaha**

Penilaian terhadap kemampuan syarikat pengusaha perlu dilakukan bagi memastikan syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang mantap serta mempunyai sumber kepakaran pengurusan dan teknikal yang berkaitan. Semakan Audit mendapati penawaran hak kerja perlombongan emas kepada SIPSB melalui keputusan Mesyuarat Permohonan Perlombongan Emas pada 18 Mei 2008. Surat tawaran melombong emas telah dikeluarkan pada 20 Mei 2008. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan penilaian dilakukan terhadap syarikat pengusaha dari segi kedudukan kewangan dan kepakaran teknikal. SIPSB juga didapati tidak mengemukakan salinan profil korporat syarikat kepada KSB seperti yang ditetapkan dalam Mesyuarat Permohonan Perlombongan Emas. Penilaian tidak dilakukan kerana KSB tidak mempunyai Prosedur Operasi Standard yang menggariskan prosedur pelaksanaan projek. Kemampuan syarikat pengusaha yang tidak dinilai menyebabkan operasi perlombongan emas

masih belum dimulakan dan KSB tidak menerima hasil *tribute* sehingga kini. **Mengikut maklum balas daripada KSB bertarikh 6 November 2012, kriteria pemberian hak perlombongan kepada SIPSB adalah berdasarkan modal dibenarkan dan modal berbayar SIPSB yang memenuhi syarat permohonan Pajakan Melombong.**

ii. Perlombongan Emas Alluvial Di Sungai Galas, Mukim Pulai, Gua Musang (ML 4/2010 Dan ML 5/2010)

Perlombongan kedua-dua kawasan terletak di Sungai Galas seluas 258 hektar telah dijalankan secara usaha sama dengan Austral Malaysian Mining Limited (AMML) dengan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama iaitu Pulai Mining Sdn. Bhd. (PMSB) pada 19 November 1997. AMML mempunyai 70% pegangan ekuiti manakala KSB memegang 30% ekuiti dalam syarikat usaha sama tersebut. Dua perjanjian usaha sama telah ditandatangani antara KSB dengan AMML pada 28 Februari 1998 dan 17 Januari 2007. Mengikut perjanjian tersebut, segala kos operasi melombong termasuk bayaran pajakan melombong ditanggung oleh PMSB manakala perjalanan operasi perlombongan dipantau oleh kakitangan KSB sendiri. Semakan Audit terhadap projek ini mendapati perkara seperti berikut:

• Syarikat Usaha Sama Mengalami Kerugian

Mengikut perjanjian usaha sama, keuntungan bersih yang dicatatkan oleh PMSB perlu dibahagikan antara AMML dengan KSB mengikut nisbah 70:30 selain *tribute* yang perlu dibayar oleh PMSB pada kadar 10% daripada hasil jualan emas kepada PKINK dan royalti pada kadar 5% kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap hasil KSB daripada operasi perlombongan emas *alluvial* mendapati KSB hanya memperoleh *tribute* daripada PMSB manakala tiada pembahagian keuntungan diterima. Bayaran *tribute* yang diterima KSB bagi ML 5/2010 sehingga Ogos 2012 adalah berjumlah RM1.01 juta manakala bagi ML 4/2010 sehingga 30 September 2011 adalah berjumlah RM342,590. Operasi perlombongan emas bagi ML 4/2010 terpaksa dihentikan mulai 30 September 2011 memandangkan hasil emas di kawasan tersebut semakin berkurangan dan kos operasi perlombongan emas adalah tinggi. Pembahagian keuntungan tidak dapat dilakukan kerana PMSB mengalami kerugian bersih berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Kerugian bersih yang dialami meningkat sejumlah RM68,717 atau 17.4% daripada RM394,452 pada tahun 2009 kepada RM463,169 pada tahun 2010. Bagaimanapun, kerugian bersih yang dialami menurun sejumlah RM172,752 atau 37.3% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Sementara itu, kerugian terkumpul PMSB terus meningkat daripada RM1.82 juta pada tahun

2009 kepada RM2.28 juta pada tahun 2010 dan seterusnya RM2.57 juta pada tahun 2011. Kedudukan kewangan PMSB yang tidak memuaskan menyebabkan KSB tidak menerima pembahagian keuntungan daripada PMSB seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

b. Projek Perlombongan *Barite*

Kerajaan Negeri telah meluluskan Pajakan Melombong (ML 1/2007 dan ML 2/2007) kepada PKINK bagi perlombongan *barite* di Sungai Pedah, Gua Musang dengan keluasan 38 hektar. Pajakan Melombong yang diluluskan adalah bagi tempoh 5 tahun (2007 – 2012). Pada Mac 2003, PKINK telah menyerahkan hak melombong *barite* di kawasan tersebut kepada KSB iaitu syarikat subsidiari yang diberi tanggungjawab untuk melabur dalam sektor perlombongan. Memandangkan kerja perlombongan memerlukan modal besar dan teknologi terkini, KSB telah menyerahkan hak kawasan perlombongan *barite* kepada Kijang Baraite Sdn. Bhd. (KBSB) untuk diusahakan melalui Perjanjian Serah Hak. Semakan Audit terhadap projek ini mendapati perkara seperti berikut:

i. Kelewatan Pengusaha Memulakan Kerja Perlombongan *Barite*

- Mengikut Perjanjian Serah Hak yang ditandatangani antara KSB dengan KBSB pada 1 Januari 2006, KBSB perlu memulakan kerja perlombongan secara komersial dalam masa 3 bulan dari tarikh Pajakan Melombong didaftarkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan iaitu pada 4 Mac 2007. Bagaimanapun, KBSB telah gagal untuk memulakan operasi melombong *barite* seperti yang ditetapkan dan KSB telah mengeluarkan Notis Meremedi Pecah Kontrak kepada KBSB pada Jun 2007. KBSB seterusnya bersetuju untuk memulakan kerja melombong *barite* bagi kawasan tersebut secara komersial sebelum atau pada Mac 2008 berdasarkan Surat Cara Serah Hak (Tambahan) yang ditandatangani antara KSB dengan KBSB pada 26 Mei 2008. Pada Oktober 2009, KSB sekali lagi menghantar notis pecah kontrak kepada KBSB kerana kegagalan KBSB untuk memulakan operasi melombong *barite*. Bagaimanapun, KSB telah memberhentikan tindakan penamatan perjanjian terhadap KBSB pada Disember 2009 memandangkan KBSB telah memulakan operasi pada 3 November 2009.
- Semakan Audit terhadap laporan lawatan ke tapak projek pada 21 Julai 2010, 28 September 2010 dan 23 Februari 2011 yang disediakan oleh Eksekutif Projek KSB mendapati kerja perlombongan *barite* masih belum dijalankan secara komersial walaupun notis pecah kontrak pernah dikeluarkan sebelum ini. Notis pecah kontrak yang ketiga telah dihantar kepada KBSB pada April 2011 kerana pelanggaran syarat kontrak yang

sama. Semakan Audit terhadap laporan kemajuan kerja KBSB mendapati kerja perlombongan telah bermula pada September 2011 dan kerja memotong tanah sedang dijalankan sehingga Februari 2012. KBSB telah mengambil masa lebih kurang 4 tahun untuk memulakan kerja perlombongan kerana mengalami masalah kewangan serta mendapatkan pelaburan bagi membiayai projek.

- Lawatan Audit ke tapak projek pada 16 Julai 2012 mendapati kerja perlombongan telah dijalankan bagi pengeluaran *barite* seperti di **Gambar 4.1**. Bagaimanapun, *barite* yang dikeluarkan belum dijual dan dilonggok seperti di **Gambar 4.2**. Anggaran pengeluaran *barite* adalah antara 4,000 tan metrik hingga 4,500 tan metrik. Urusan jualan masih belum boleh dijalankan kerana Jurutera Melombong sedang dalam proses mengesahkan Skim Pengendalian Melombong sebelum mendapat Surat Kebenaran Melombong daripada Jabatan Mineral Dan Geosains Kelantan.

Gambar 4.1
Kawasan Perlombongan *Barite*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perlombongan *Barite*, Sungai Pedah, Gua Musang
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 4.2
Longgokan *Barite*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perlombongan *Barite*, Sungai Pedah, Gua Musang
Tarikh: 16 Julai 2012

- Kelewatan pengusaha memulakan kerja perlombongan *barite* seperti yang ditetapkan dalam perjanjian telah mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak mendapat bayaran royalti pengeluaran bijih *barite* pada kadar RM10 per tan metrik daripada KBSB. Sementara itu, KSB juga tidak mendapat bayaran *tribute* atas jualan *barite* pada kadar RM7 per tan metrik daripada KBSB. KSB hanya menerima bayaran pendahuluan *tribute* daripada KBSB berjumlah RM30,000 pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, kerja perlombongan hendaklah dirancang dengan teliti bagi menjana pendapatan kepada syarikat dan Kerajaan Negeri. Penilaian secara menyeluruh juga hendaklah dilakukan terhadap keupayaan pengusaha bagi memastikan kerja perlombongan dapat dilaksanakan secara produktif dan efisien.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KSB mendapatkan perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapatkan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 3 kali setahun bagi tahun 2010 hingga 2012. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan pelaksanaan polisi dan peraturan syarikat, laporan pelaksanaan dan status projek, laporan operasi syarikat, laporan prestasi kewangan serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, operasi, pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pengesahan penyata kewangan tahunan, pelantikan ahli Lembaga Pengarah, penetapan yuran ahli Lembaga Pengarah dan pelantikan juruaudit luar.

4.4.3.2. Standard Operating Procedures (SOP)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapatkan KSB tidak menyediakan SOP sebagai panduan dalam melaksanakan operasi syarikat. SOP yang disediakan hendaklah meliputi prosedur pelaksanaan projek, perakaunan dan kewangan, jualan, pengurusan kredit, terimaan wang, belian, pembayaran, penggajian, pengurusan sumber manusia dan pengurusan aset. **Mengikut maklum balas daripada KSB bertarikh 6 November 2012, SOP telah disediakan, dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 1 November 2012.**

4.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen kepada kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapatkan KSB tidak membayar dividen kepada pemegang saham bagi tahun 2009 hingga 2011 disebabkan syarikat mengalami kerugian terkumpul pada tahun tersebut.

4.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalam serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah ditubuhkan pada 30 Disember 2010. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, Jawatankuasa belum mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara yang ditetapkan dalam pekeliling. **Mengikut maklum balas daripada KSB bertarikh 6 November 2012, mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah diadakan pada 15 Oktober 2012.**

4.4.3.5. Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan di KSB memandangkan saiz syarikat yang kecil. Tugas audit dalam dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam Dan Naziran PKINK. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, Bahagian Audit Dalam Dan Naziran PKINK belum melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan KSB.

4.4.3.6. Perancangan Strategik Dan *Key Performance Indicator (KPI)*

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, semua syarikat Kerajaan perlu menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapati perancangan strategik KSB disediakan tetapi hanya menyatakan pelan secara umum serta tidak memfokus kepada pelan jangka pendek dan jangka panjang. Perancangan strategik KSB juga tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, KSB tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasi syarikat. **Mengikut maklum balas daripada KSB bertarikh 6 November 2012, perancangan strategik dan KPI telah disediakan untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat yang baik boleh dicapai dengan mematuhi peraturan pekeliling berkaitan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan KSB mengambil langkah berikut bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat:

4.5.1. Memastikan kerja perlombongan bagi kawasan yang mempunyai potensi mineral dirancang dengan teliti bagi menarik pelabur yang berpotensi.

4.5.2. Melakukan penilaian secara teliti terhadap kemampuan syarikat pengusaha supaya syarikat yang dipilih mempunyai kedudukan kewangan mantap dan kepakaran teknikal bagi melaksanakan projek perlombongan dan seterusnya menjana pendapatan kepada KSB dan Kerajaan Negeri.

4.5.3. Meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan bagi menjaga kepentingan pemegang saham.

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

5. LADANG TAPIS SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Ladang Tapis Sdn. Bhd. (LTSB) ditubuhkan pada 15 November 1995. LTSB merupakan subsidiari Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan dan modal berbayar LTSB masing-masing berjumlah RM5 juta. Sebelum penstrukturkan semula pada tahun 2011, LTSB dimiliki 100% oleh Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. (SLSTSB). Bagaimanapun selepas penstrukturkan semula, Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB) iaitu sebuah syarikat subsidiari milik penuh PKINK memiliki 100% pegangan ekuiti dalam LTSB dan 100% pegangan ekuiti dalam SLSTSB.

5.1.2. Pada Jun 2005, SLSTSB telah membeli ladang kelapa sawit seluas 816 hektar daripada Koperasi Perladangan Kelantan Berhad dengan harga RM9 juta dan ladang ini diserah kepada LTSB. Pada November 2007, LTSB telah membeli tanah milik PKINK seluas 705 hektar dengan harga RM4.35 juta. LTSB juga telah membeli tanah bekas lombong milik PKINK seluas 405 hektar dengan harga RM3 juta pada Mei 2009.

5.1.3. Aktiviti utama LTSB adalah mengendalikan pengurusan ladang kelapa sawit seluas 1,926 hektar di Kuala Balah, Jeli. Antara objektif utama LTSB adalah mewujudkan pengurusan perladangan yang efisien dan efektif melalui *Good Manufacturing Practice* dan *Good Agriculture Practice* serta mencapai kecemerlangan operasi melalui *Total Quality Management* dan *Safety, Health, Environment, Quality*.

5.1.4. LTSB mempunyai 4 ahli Lembaga Pengarah di mana kesemuanya adalah wakil Kerajaan. Pengurusan LTSB diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh 15 kakitangan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat LTSB meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaian, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Perbincangan, temu bual dan lawatan Audit ke ladang kelapa sawit bersama pegawai yang berkenaan telah diadakan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan LTSB adalah kurang memuaskan. LTSB mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.21 juta pada tahun 2011 iaitu meningkat sejumlah RM0.93 juta dari tahun 2010. Kerugian sebelum cukai LTSB menurun pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai yang dialami meningkat pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Analisis nisbah kewangan juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Pengeluaran buah tandan segar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Prestasi kewangan ladang kurang memuaskan.
- Cadangan bayaran bonus tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

5.4.1. Prestasi Kewangan

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Kerugian sebelum cukai LTSB menurun sejumlah RM0.24 juta atau 65.5% daripada RM0.37 juta pada tahun 2009 kepada RM0.13 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai yang dialami meningkat sejumlah RM0.80 juta atau 622.6% kepada RM0.93 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Peningkatan kerugian adalah disebabkan pertambahan kos penyenggaraan ladang seperti kos pembajaan, penuaian dan merumput bagi kawasan ladang yang baru matang dalam tahun 2011. Selain itu, kos memulihkan ladang akibat serangan gajah turut menyumbang kepada peningkatan kerugian yang dialami.

- b. Kerugian terkumpul LTSB meningkat sejumlah RM0.13 juta atau 3.1% daripada RM4.15 juta pada tahun 2009 kepada RM4.28 juta pada tahun 2010. Kerugian terkumpul yang dialami terus meningkat sejumlah RM0.93 juta atau 21.7% kepada RM5.21 juta pada tahun 2011. Kerugian bersih yang dialami bagi tahun 2009 hingga 2011 telah menyumbang kepada peningkatan kerugian terkumpul.
- c. Pendapatan utama LTSB terdiri daripada hasil jualan buah tandan segar (BTS). Jumlah pendapatan LTSB meningkat sejumlah RM0.59 juta atau 55.1% daripada RM1.07 juta pada tahun 2009 kepada RM1.66 juta pada tahun 2010. Jumlah pendapatan LTSB terus meningkat sejumlah RM0.89 juta atau 53.6% kepada RM2.55 juta pada tahun 2011 berbanding 2010. Harga BTS yang lebih tinggi serta kuantiti jualan yang bertambah telah menyumbang kepada peningkatan hasil jualan BTS.
- d. Jumlah perbelanjaan LTSB meningkat sejumlah RM0.34 juta atau 23.5% daripada RM1.45 juta pada tahun 2009 kepada RM1.79 juta pada tahun 2010. Jumlah perbelanjaan LTSB terus meningkat sejumlah RM1.69 juta atau 94.4% kepada RM3.48 juta pada tahun 2011 berbanding 2010. Kos penyenggaraan ladang yang lebih tinggi telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan LTSB.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, untung rugi, kerugian sebelum cukai dan kerugian terkumpul LTSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1 dan Carta 5.2.**


Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi LTSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan	1,072,138	1,660,236	2,547,814
Perbelanjaan Estet	905,839	1,132,000	2,394,674
Untung Kasar	166,299	528,236	153,140
Lain-lain Pendapatan	1,768	2,511	819
Pelunasan Belanja Penanaman	223,200	268,009	457,219
Kos Pentadbiran	105,616	98,695	243,752
Lain-lain Perbelanjaan Operasi	211,702	292,604	381,983
Rugi Sebelum Cukai	-372,451	-128,561	-928,995
Cukai	-	-	-
Rugi Bersih	-372,451	-128,561	-928,995
Kerugian Terkumpul	-4,151,854	-4,280,415	-5,209,410

Sumber: Penyata Kewangan LTSB



Sumber: Penyata Kewangan LTSB



Sumber: Penyata Kewangan LTSB

5.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin keuntungan, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009	2010	2011
a.	Nisbah Semasa	0.07:1	0.03:1	0.03:1
b.	Margin Untung Bersih	-35%	-8%	-37%
c.	Pulangan Atas Aset	-0.02:1	-0.01:1	-0.03:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti *	-0.36:1	-0.12:1	-0.19:1

Sumber: Penyata Kewangan LTSB

Nota: * - Modal saham sahaja bagi bahagian jumlah ekuiti diambil kira disebabkan kerugian terkumpul yang dialami

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Mengikut pengiraan Audit, tahap kecairan LTSB pada tahun 2009 adalah 0.07 kali dan telah menurun kepada 0.03 kali pada tahun 2010 dan 2011. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan amaun terhutang kepada syarikat berkaitan sejumlah RM3.76 juta dan amaun terhutang kepada perbadanan induk iaitu PKINK sejumlah RM3 juta. Nisbah semasa LTSB yang kurang daripada satu pada

tahun 2009, 2010 dan 2011 menunjukkan syarikat tidak berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut pengiraan Audit, LTSB mengalami kerugian 35 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2009 dan telah menurun kepada kerugian 8 sen pada tahun 2010. Margin untung kasar yang tinggi berikutan hasil jualan buah tandan segar yang lebih tinggi telah menyumbang kepada penurunan kerugian bersih. Bagaimanapun, kerugian yang dialami LTSB meningkat kepada 37 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2011. Peningkatan kerugian yang dialami adalah disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan ladang sejumlah RM1.26 juta berbanding tahun 2010.

c. Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Mengikut pengiraan Audit, LTSB mencatatkan pulangan negatif atas aset iaitu 2 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2009. Nisbah ini menurun kepada satu sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pertambahan hasil jualan buah tandan segar. Bagaimanapun, pulangan negatif atas aset mencatatkan peningkatan kepada 3 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2011. Kerugian bersih yang lebih tinggi dialami pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010 telah menyumbang kepada peningkatan pulangan negatif atas aset. Pulangan negatif atas aset menunjukkan ketidakcekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset. Sehubungan itu, usaha harus diambil bagi mempertingkatkan keuntungan dengan mengawal kos perbelanjaan supaya nisbah ini dapat ditingkatkan.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Pengiraan Audit hanya mengambil kira modal saham sahaja bagi bahagian jumlah ekuiti

disebabkan kerugian terkumpul yang dialami oleh LTSB. Mengikut pengiraan Audit, LTSB mencatatkan pulangan negatif atas ekuiti iaitu 36 sen bagi setiap ringgit ekuiti pada tahun 2009. Nisbah ini menurun kepada 12 sen pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pertambahan hasil jualan buah tandan segar. Bagaimanapun, pulangan negatif atas ekuiti mencatatkan peningkatan kepada 19 sen pada tahun 2011. Kerugian bersih yang lebih tinggi dialami pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010 telah menyumbang kepada peningkatan pulangan negatif atas ekuiti. Pulangan negatif atas ekuiti menunjukkan LTSB tidak berupaya memberi pulangan kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan LTSB adalah tidak memuaskan kerana kerugian bersih dialami bagi tahun 2009 hingga 2011 dan kerugian terkumpul semakin meningkat dari tahun 2009 hingga 2011. Nisbah kewangan menunjukkan penurunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Aktiviti utama LTSB adalah mengendalikan pengurusan ladang kelapa sawit seluas 1,926 hektar di Kuala Balah, Jeli. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan ladang kelapa sawit mendapati perkara seperti berikut:

5.4.2.1. Pengurusan Ladang Kelapa Sawit

Pengurusan ladang yang berkesan menjamin produktiviti dan kualiti hasil ladang yang tinggi. LTSB telah menyediakan panduan prosedur kerja pengurusan ladang yang meliputi penyenggaraan infrastruktur dan tanaman, keselamatan ladang serta penyelenggaraan rekod dan dokumen bagi memastikan ladang diurus secara teratur. Semakan Audit terhadap pengurusan ladang kelapa sawit yang terletak di Kuala Balah, Jeli mendapati perkara seperti berikut:

a. Keluasan Ladang

Keluasan ladang kelapa sawit milik LTSB adalah 1,926 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 1,536 hektar yang diusahakan oleh LTSB telah ditanam dengan kelapa sawit, 209 hektar diusahakan oleh SLSTSB dan 72 hektar merupakan kawasan berpaya. Baki 109 hektar adalah kawasan yang disediakan bagi kemudahan lain seperti pejabat, asrama, jalan dan saliran air. Daripada 1,536 hektar kawasan bertanam, seluas 760 hektar telah mengeluarkan hasil dan baki 776 hektar merupakan kawasan yang belum matang. Keluasan tanaman berhasil dan usia pokok adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Keluasan Tanaman Berhasil Dan Usia Pokok Pada Tahun 2012

Bil.	Blok	Keluasan (Hektar)	Keluasan Tanaman Berhasil (Hektar)	Usia Pokok (Tahun)
1.	96TA	291	291	16
2.	98TA	76	76	14
3.	06TA	107	107	6
4.	07TC	44	44	5
5.	07TE	46	46	5
6.	07TF	129	129	5
7.	07TG	67	67	5
8.	09TA	63	*	3
9.	09TB	86	*	3
10.	09TD	81	*	3
11.	09TE	102	*	3
12.	09TF	82	*	3
13.	09TG	102	*	3
14.	09TH	83	*	3
15.	11TA	150	^	1
16.	11TB	27	^	1
Jumlah		1,536	760	

Sumber: Rekod LTSB

Nota: * - Peringkat pra penuaian

^ - Peringkat pembangunan ladang

b. Prestasi Pengeluaran Ladang

- i. Pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang tinggi dan berkualiti dapat menjana pendapatan yang lumayan kepada syarikat. Sasaran purata pengeluaran BTS oleh LTSB adalah 25 tan per hektar seperti yang ditetapkan dalam Pelan Strategik SLSTSB. Semakan Audit mendapati purata pengeluaran BTS oleh LTSB pada tahun 2010 adalah 8.29 tan per hektar berbanding purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) iaitu 17.91 tan per hektar. Pada tahun 2011, purata pengeluaran BTS oleh LTSB telah menurun kepada 5.06 tan per hektar berbanding tahun 2010 dan purata ini lebih rendah berbanding rekod MPOB iaitu 19.24 tan per hektar. Purata pengeluaran BTS oleh LTSB pada tahun 2012 adalah 8.33 tan per hektar berbanding purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia iaitu 19.05 tan per hektar. LTSB telah mencatatkan purata pengeluaran BTS yang jauh lebih rendah berbanding purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia serta sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik SLSTSB iaitu 25 tan per hektar. Kedudukan purata pengeluaran BTS oleh LTSB berbanding purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Purata Pengeluaran BTS Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun		
	2010 (Tan/Hektar)	2011 (Tan/Hektar)	2012 (Tan/Hektar)
Purata Pengeluaran BTS LTSB	8.29	5.06	8.33
Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia (Laporan MPOB)	17.91	19.24	19.05
Perbandingan Purata Pengeluaran BTS LTSB Dengan MPOB	-9.62	-14.18	-10.72

Sumber: Rekod LTSB Dan MPOB

- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran BTS bagi tahun 2010 hingga 2012 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengeluaran BTS bagi tahun 2010 berjumlah 2,983.61 tan metrik atau 67.9% berbanding sasaran 4,393 tan metrik. Sementara itu, pengeluaran BTS bagi tahun 2011 berjumlah 3,845.82 tan metrik atau 72.9% berbanding sasaran 5,278 tan metrik. Pengeluaran BTS bagi tahun 2012 berjumlah 6,329.24 tan metrik atau 76.3% berbanding sasaran 8,300 tan metrik. Peratusan pencapaian telah mencatatkan peningkatan pada tahun 2011 iaitu 72.9% berbanding 67.9% pada tahun 2010. Peratusan pencapaian terus meningkat kepada 76.3% bagi tahun 2012 berbanding 72.9% pada tahun 2011. Peratusan pencapaian sebenar tahunan berbanding sasaran tahunan yang ditetapkan telah menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, pengeluaran BTS adalah kurang memuaskan memandangkan hanya 19.4% sasaran bulanan yang ditetapkan dapat dicapai dan baki 80.6% jauh ketinggalan berbanding sasaran. Prestasi pengeluaran BTS bagi tahun 2010 hingga 2012 berbanding sasaran adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Pengeluaran Buah Tandan Segar Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bulan	Tahun/Tan Metrik								
	2010			2011			2012		
	Sasaran	Sebenar	Varian	Sasaran	Sebenar	Varian	Sasaran	Sebenar	Varian
Januari	384	254.20	-129.80	476	148.83	-327.17	581	224.59	-356.41
Februari	155	225.25	70.25	340	171.97	-168.03	415	336.86	-78.14
Mac	538	206.72	-331.28	408	212.95	-195.05	498	378.73	-119.27
April	154	222.89	68.89	476	289.49	-186.51	581	447.59	-133.41
Mei	384	237.51	-146.49	544	367.39	-176.61	664	535.67	-128.33
Jun	422	296.34	-125.66	544	379.39	-164.61	664	546.05	-117.95
Julai	397	308.39	-88.61	447	447.28	0.28	664	704.87	40.87
Ogos	400	274.65	-125.35	370	384.31	14.31	747	480.85	-266.15
September	254	250.79	-3.21	373	410.20	37.20	830	802.35	-27.65
Okttober	430	302.17	-127.83	460	505.29	45.29	996	703.51	-292.49
November	507	208.25	-298.75	460	266.62	-193.38	996	684.61	-311.39
Disember	368	196.45	-171.55	380	262.10	-117.90	664	483.56	-180.44
Jumlah	4,393	2,983.61	-1,409.39	5,278	3,845.82	-1,432.18	8,300	6,329.24	-1,970.76

Sumber: Rekod LTSB

- Pengeluaran BTS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan disebabkan bilangan pokok per hektar yang rendah dan tidak seragam di setiap blok. Selain itu, topografi ladang yang berbukit, kawasan berpaya, kawasan bekas lombong, teres yang panjang dan jalan ladang yang sering rosak ketika hujan turut menjelaskan pencapaian dan pengeluaran hasil sebenar ladang.

c. Prestasi Kewangan Ladang

- i. Pendapatan yang tinggi dan kawalan perbelanjaan berkesan dapat memastikan kedudukan kewangan LTSB yang kukuh. Pengurus LTSB bertanggungjawab menyediakan laporan bulanan mengenai pendapatan dan perbelanjaan ladang bagi memantau prestasi kewangan dan operasi bulanan. Semakan Audit terhadap rekod kewangan LTSB mendapati kuantiti jualan BTS meningkat sejumlah 862.21 tan atau 28.9% kepada 3,845.82 tan pada tahun 2011 berbanding 2,983.61 tan pada tahun 2010. Selain itu, amaun jualan BTS turut meningkat sejumlah RM0.89 juta atau 53.6% kepada RM2.55 juta pada tahun 2011 berbanding RM1.66 juta pada tahun 2010. Faktor penyumbang kepada peningkatan ini adalah kuantiti jualan BTS yang bertambah serta purata harga jualan BTS yang meningkat daripada RM556.45 per tan pada tahun 2010 kepada RM662.49 per tan pada tahun 2011. Amaun jualan BTS terus meningkat sejumlah RM0.95 juta atau 37.3% kepada RM3.50 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.55 juta pada tahun 2011. Walaupun purata harga jualan BTS menurun daripada RM662.49 per tan pada tahun 2011 kepada RM552.50 per tan pada tahun 2012, peningkatan kuantiti jualan BTS sejumlah 2,483.42 tan metrik pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 telah menyumbang kepada peningkatan amaun jualan BTS.
- ii. Lebihan pendapatan per hektar tanaman berhasil menurun daripada RM1,467 per hektar pada tahun 2010 kepada RM202 per hektar pada tahun 2011. Penurunan ini disebabkan kos membaja, menuai dan merumput yang tinggi pada tahun 2011 bagi memulihkan ladang. Peningkatan perbelanjaan ladang telah menyebabkan keuntungan operasi ladang menurun sejumlah RM375,096 atau 71.0% daripada RM528,236 pada tahun 2010 kepada RM153,140 pada tahun 2011. Bagaimanapun, lebihan pendapatan per hektar tanaman berhasil meningkat daripada RM202 per hektar pada tahun 2011 kepada RM339 per hektar pada tahun 2012. Keuntungan operasi ladang turut meningkat sejumlah RM104,561 atau 68.3% daripada RM153,140 pada tahun 2011 kepada RM257,701 pada tahun 2012. Kedudukan prestasi kewangan keseluruhan ladang LTSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Kedudukan Prestasi Kewangan Keseluruhan Ladang LTSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun					
	2010		2011		2012	
	(Tan)	(RM)	(Tan)	(RM)	(Tan)	(RM)
Jualan Buah Tandan Segar	2,983.61	1,660,236	3,845.82	2,547,814	6,329.24	3,496,895
Jumlah Perbelanjaan Ladang	-	1,132,000	-	2,394,674	-	3,239,194
Keuntungan Operasi Ladang	-	528,236	-	153,140	-	257,701
Lebihan Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	-	1,467	-	202	-	339

Sumber: Rekod Kewangan LTSB

iii. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan ladang mengikut blok bagi tahun 2012 mendapati daripada 7 blok ladang yang telah mengeluarkan hasil, 4 blok iaitu blok 96TA, 98TA, 06TA dan 07TE mencatatkan keuntungan operasi dan lebihan pendapatan per hektar tanaman berhasil. Sementara itu, baki 3 blok lagi iaitu blok 07TC, 07TF dan 07TG mengalami kerugian operasi dan kurangan pendapatan per hektar tanaman berhasil. Kerugian yang dialami disebabkan kos membaja dan merumput yang tinggi bagi memulihkan 3 blok ladang tersebut. Kedudukan prestasi kewangan ladang mengikut blok bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 5.7** dan **Jadual 5.8**.

Jadual 5.7
Kedudukan Prestasi Kewangan Ladang Mengikut Blok Bagi Tahun 2012

Butiran	Blok			
	96TA (RM)	98TA (RM)	06TA (RM)	07TE (RM)
Jualan Buah Tandan Segar	1,133,859	574,422	489,950	202,673
Jumlah Perbelanjaan Ladang	967,561	386,769	429,800	200,456
Keuntungan Operasi Ladang	166,298	187,653	60,150	2,217
Lebihan Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	572	2,469	562	48

Sumber: Rekod Kewangan LTSB

Jadual 5.8
Kedudukan Prestasi Kewangan Ladang Mengikut Blok Bagi Tahun 2012

Butiran	Blok		
	07TC (RM)	07TF (RM)	07TG (RM)
Jualan Buah Tandan Segar	117,080	273,487	71,974
Jumlah Perbelanjaan Ladang	183,120	410,177	294,256
Kerugian Operasi Ladang	-66,040	-136,690	-222,282
Kurangan Pendapatan Per Hektar Tanaman Berhasil	-1,501	-1,060	-3,318

Sumber: Rekod Kewangan LTSB

d. Penyenggaraan Ladang

- i. Perbelanjaan penyenggaraan ladang meliputi kos membaja, penyenggaraan jalan ladang, meracun, menyulam pelepas, perparitan, kawalan perosak dan penyakit. Kerja penyenggaraan ladang telah diberi kepada pekerja tempatan dan asing melalui Sijil Perintah Kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta dipantau oleh LTSB. Perbelanjaan penyenggaraan ladang meningkat sejumlah RM0.96 juta atau 104.4% daripada RM0.92 juta pada tahun 2010 kepada RM1.88 juta pada tahun 2011. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan pertambahan kos pembajaan, penuaian dan merumput bagi kawasan ladang yang baru matang dalam tahun 2011. Kos penuaian semakin meningkat dari tahun 2010 hingga 2012 disebabkan kuantiti dan hasil BTS yang semakin bertambah. Kos pembajaan merupakan perbelanjaan utama pada tahun 2011 bagi meningkatkan pengeluaran hasil ladang. Selain itu, kos memulihkan ladang akibat serangan gajah turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan penyenggaraan ladang. Perbelanjaan penyenggaraan ladang bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Perbelanjaan Penyenggaraan Ladang Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Perbelanjaan Ladang	Tahun			Jumlah Keseluruhan (RM)	Peratusan (%)
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)		
1.	Penuaian	334,672	563,545	1,205,091	2,103,308	39.6
2.	Pembajaan	344,370	728,519	747,952	1,820,841	34.3
3.	Merumput	139,256	220,846	224,866	584,968	11.0
4.	Jalan Raya/Jalan/Jambatan	58,219	88,287	169,318	315,824	5.9
5.	Perosak Dan Penyakit Infeksi	6,446	86,737	59,618	152,801	2.9
6.	Pruning/Kebersihan	7,560	88,358	25,601	121,519	2.3
7.	Sempadan/Tinjauan	19,371	54,159	22,640	96,170	1.8
8.	Banci/Penipisan/Pembekalan	6,282	22,907	21,406	50,595	1.0
9.	Lalang	204	15,197	21,526	36,927	0.7
10.	Pengurusan Air	1,784	8,630	13,762	24,176	0.4
11.	Pemuliharaan Tanah Dan Air	-	870	4,806	5,676	0.1
12.	Pendebungaan/Mengkasi	1,074	612	-	1,686	0.0
Jumlah		919,238	1,878,667	2,516,586	5,314,491	100.0

Sumber: Rekod LTSB

- ii. Pembinaan jalan ladang adalah penting bagi mengangkut buah kelapa sawit ke kilang serta menghantar bahan input tanaman seperti baja dan jentera ladang. Perancangan rapi diperlukan bagi memastikan jalan ladang yang dibina dapat digunakan pada setiap masa dan musim. Lawatan Audit ke ladang LTSB pada 23 Julai 2012 dan 31 Julai 2012 mendapati kedudukan ladang yang terletak 8 Kilometer dari jalan besar serta terpaksa melalui jalan dan tanah orang kampung menyukarkan pengangkutan hasil sawit ke kilang pemprosesan. Lori dan kenderaan syarikat menghadapi kesukaran kerana jalan masuk yang sempit dan tidak disenggara dengan baik. Pihak Audit turut dimaklumkan mengenai masalah sekatan yang dikenakan terhadap lori sawit oleh orang kampung apabila melalui jalan milik mereka. Selain itu, beberapa kawasan ladang sawit merupakan bekas lombong emas serta kenderaan terpaksa merentasi alur sungai dan jambatan kecil. Pada musim banjir iaitu antara bulan November dan Januari, perhubungan akan terputus apabila jalan masuk ke ladang ditenggelami air, licin dan rosak. Keadaan ini menyebabkan BTS tidak dapat dikutip dan dibawa ke kilang untuk dijual. Hasil keluaran sawit dan pendapatan syarikat terjejas kerana jumlah BTS yang dijual pada musim banjir adalah rendah. Contoh kawasan ladang sawit dan laluan yang sukar dilalui oleh kenderaan adalah seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**.

Gambar 5.1
Kawasan Bekas Lombong Emas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang LTSB, Kuala Balah, Jeli
Tarikh: 23 Julai 2012

Gambar 5.2
Keadaan Jalan Ke Ladang Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang LTSB, Kuala Balah, Jeli
Tarikh: 31 Julai 2012

**Gambar 5.3
Kawasan Sekitar Ladang Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang LTSB, Kuala Balah, Jeli
Tarikh: 31 Julai 2012

**Gambar 5.4
Dan Jalan Ke Ladang Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang LTSB, Kuala Balah, Jeli
Tarikh: 31 Julai 2012

iii. Maklum balas daripada LTSB bertarikh 18 Disember 2012 memaklumkan bagi mengatasi masalah ini, LTSB sedang dalam proses membina jalan bertaraf dari jambatan Kampung Jerimbung ke tapak kilang sawit yang bakal dibina bersebelahan ladang sawit LTSB dan jalan ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2014 bagi memudahkan perhubungan. Pembinaan jalan utama ini akan membolehkan pengangkutan hasil sawit dilakukan dengan lebih cekap kerana tidak perlu menggunakan jalan milik orang kampung untuk ke ladang sawit.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran buah tandan segar adalah kurang memuaskan. LTSB perlulah berusaha mencari jalan bagi meningkatkan pengeluaran agar mencapai sasaran yang ditetapkan bagi menambah pendapatan kepada syarikat dan memperbaiki prestasi kewangan ladang.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat LTSB mendapati perkara seperti berikut:

5.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 3 kali pada tahun 2010, 4 kali pada tahun 2011 dan 3 kali pada tahun 2012. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan pelaksanaan polisi dan peraturan syarikat, laporan operasi syarikat, laporan kewangan dan prestasi syarikat serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, operasi, pentadbiran dan sumber manusia.

Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pengesahan penyata kewangan tahunan, pelantikan ahli Lembaga Pengarah, penetapan yuran ahli Lembaga Pengarah dan pelantikan juruaudit luar.

5.4.3.2. Standard Operating Procedures (SOP)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati LTSB menerima pakai SOP yang disediakan oleh syarikat induk sebelum penstruktur semula iaitu SLSTSB sebagai panduan dalam melaksanakan operasi syarikat. SOP yang disediakan meliputi prosedur penanaman kelapa sawit seperti tapak semaian, tanam semula, pengurusan tanaman, pengurusan tanah/kawasan, pembajaan dan penuaian. Selain itu, prosedur kewangan yang disediakan adalah seperti perakaunan, polisi kredit, terimaan wang, pembayaran, penjualan, pembelian, penggajian, pengurusan stok, pengurusan aset dan pengambilan pekerja asing.

5.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen kepada kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati LTSB tidak membayar dividen kepada pemegang saham bagi tahun 2009 hingga 2011 disebabkan syarikat mengalami kerugian pada tahun tersebut.

5.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah ditubuhkan pada 28 Disember 2010. Bagaimanapun, Jawatankuasa hanya mengadakan mesyuarat pada 25 September 2012 bagi membincangkan perkara yang ditetapkan dalam pekeliling.

5.4.3.5. Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan di LTSB dan tugas audit dalam dijalankan oleh Unit Audit Dalam SLSTSB serta Bahagian Audit Dalam Induk Dan Naziran PKINK. Unit Audit Dalam SLSTSB telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di LTSB dari 18 Ogos hingga 12 Oktober 2011. Bahagian Audit Dalam Induk Dan Naziran PKINK pula menjalankan pemeriksaan stok pada setiap tahun.

5.4.3.6. Perancangan Strategik Dan Key Performance Indicator (KPI)

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, semua syarikat Kerajaan perlu menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapati LTSB menerima pakai pelan strategik bagi tempoh 5 tahun (2008 – 2012) yang disediakan di peringkat SLSTSB. Pelan strategik tersebut turut menggariskan KPI untuk menilai prestasi syarikat.

5.4.3.7. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menghendaki cadangan bayaran bonus dan asasnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri tidak lebih daripada satu bulan selepas akaun tahunan ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati LTSB telah membayar bonus 4.5 hingga 5 bulan gaji berjumlah RM37,344 pada tahun 2009. Pada tahun 2010, LTSB telah membuat bayaran bonus sejumlah RM98,242 iaitu 7 hingga 8 bulan gaji. LTSB telah membayar bonus 8 hingga 11.5 bulan gaji berjumlah RM146,629 pada tahun 2011. Pembayaran bonus dibuat setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat induk dan Lembaga Pengarah LTSB. Bagaimanapun, cadangan bayaran bonus ini tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat boleh dipertingkatkan dengan mematuhi peraturan pekeliling berkaitan. Pembayaran bonus haruslah setimpal dengan prestasi kewangan syarikat.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan LTSB mengambil langkah berikut bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat:

5.5.1. Memastikan amalan terbaik seperti Kod Amalan yang dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta garis panduan dan rujukan lain dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran buah tandan segar, produktiviti syarikat dan kualiti kelapa sawit.

5.5.2. Memastikan jalan ladang disenggara dengan baik bagi memudahkan pengangkutan hasil ke kilang pemprosesan.

5.5.3. Meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pekeliling Kerajaan bagi menjaga kepentingan pemegang saham.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
11 Februari 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my